

**DOKUMENTASI SEJARAH LISAN
WAWANCARA BERSAMA HAJI ROSIDI B SEMAIL,
TOKOH KARTUNIS NEGERI KELANTAN
2013**



**FAKULTI PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
18500 MACHANG, KELANTAN**

**OLEH:
NUR HANISAH BT HUSSAIN
NOR SALYWANI BT AMARAM**

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t.

Terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Yang Maha Esa, Allah S.W.T kerana akhirnya kami dapat melengkapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Dalam menyiapkan Projek Sejarah Lisan ini tidak dapat kami inafikan, berbagai halangan yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran kami dan pertolongan-Nya, kami dapat atasi masalah yang melanda dengan baik.

Jutaan terima kasih kami ucapkan kepada pensyarah kami untuk subjek IMR 604 – Documenting Oral History (Sejarah Lisan) iaitu Encik Idzwan Salleh yang telah memberikan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar dalam menyiapkan projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga lagi sekali di atas dorongan beliau dan kami amat menghargainya.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada tokoh yang kami hormati iaitu Haji Rosedi Semail dan setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan kerana kerjasama yang beliau berikan. Kami tidak mungkin akan dapat menghasilkan transkrip yang sebegini lengkap dan bernilai ini tanpa kerjasama darinya.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung, ibubapa serta rakan-rakan seperjuangan yang memberikan sedikit sebanyak tunjuk ajar kepada kami di dalam menghasilkan projek transkrip wawancara ini.

Sekian terima kasih.

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	i
Isi kandungan	ii
Abstrak	iii
Biodata dan profil peribadi tokoh	iv
Transkrip wawancara	1-29
Rujukan	30
Senarai soalan wawancara	31-35
Log wawancara	36-37
Indeks	38-40
Lampiran	
• Perjanjian Tokoh	
• Dokumen Berkaitan	
• Gambar Peristiwa / Wawancara	
• CD / DVD Wawancara	

Transkrip Wawancara Bersama Haji Rosedi Ismail Mengenai Penglibatan Beliau Dalam Bidang Kartunis

Abstrak: *Transkrip ini mengandungi wawancara bersama Haji Rosedi Semail atau lebih di kenali sebagai Rossem mengenai kerjaya beliau dalam bidang kartunis yang sudah hampir 30 tahun berkecimpung dalam bidang ini. Transkrip temubual ini dijalankan di dalam pejabat beliau iaitu Pejabat Urusetia Penerangan Kerajaan di tingkat 1, Kota Bharu pada 28 Mei 2013 bermula jam 10.30 pagi. Beliau merupakan salah seorang kartunis yang cukup verstail kerana menceburkan diri dalam pelbagai bidang contohnya dalam bidanag kepolisan, penulisan dan bidang kartunis dari zaman persekolahan beliau sehingga ke hari ini masih aktif. Transkrip ini menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau serta pengalaman beliau semasa menjadi kartunis. Selain itu, temubual ini menumpukan tentang pengalaman serta sumbangan beliau dalam bidang yang telah beliau ceburi sepanjang menjadi Polis, Penulis, serta kartunis. Selain itu, beberapa pendapat beliau mengenai bidang yang di ceburi di negara kita dan pendapat beliau tentang kartunis- kartunis kini serta perbezaannya turut dikupas.*

Kata Kunci : *Haji Rosidi Semail, Rossem, Penulis, Kartunis, Polis*

BIODATA DAN PROFIL PERIBADI TOKOH



- Nama Penuh** : Haji Rosedi B Semail (Rossem)
- Umur** : 75 tahun
- Alamat** : Kampung Peringat, 14 kilometer dari bandar Kota Bharu, Kelantan
- Tarikh Lahir** : 3 Ogos 1948
- Tempat Lahir** : Kampung Peringat
- Pekerjaan** : Kartunis dan Penolong Direktor Informasi (Penerbitan)
- Status** : Berkahwin
- Anak** : 7
- Hobi** : melukis dan membaca
- Sumbangan** : 1) Membawa bidang kartunis ke peringkat antarabangsa
2) Menerima anugerah Kartunis Terbaik Malaysia, 2001
3) Menubuhkan Persatuan Kartunis (PEKARTUN)
4) Menjadi tenaga pengajar, penceramah kepada budak-budak yang menceburi bidang ini.

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

1.0 TRANSKRIP WAWANCARA

Berikut merupakan rakaman wawancara sejarah lisan yang telah dijalankan oleh Nur Hanisah Binti Hussain dan Nor Salywani Binti Amaram bersama Haji Rosidi Binti Semail mengenai sejarah penglibatan beliau dalam bidang kartunis. Temubual ini telah dijalankan di Pejabat Urusetia Penerangan Kelantan pada tarikh dua puluh lima haribulan Mei dua ribu tiga belas jam dua belas lima belas minit tengahari.

PETUNJUK

NH : NUR HANISAH

HR : HAJI ROSIDI

NH : (Memberi kertas rujukan kepada Haji) Ok (baiklah).Assalamualaikum Haji. Apa khabar?

HR : Waalaikumusalam warahmatullahitaalawabarakatuh. Alhamdulillah, khabar baik.

NH : Bolehkah Haji ceritakan serba sedikit tentang diri Haji?

HR : Nama saya Haji Rosidi Semail. Asal Peringat, Kota Bharu Kelantan. Lahir pada tahun, pada tiga (3) haribulan lapan (8) tahun seribu sembilan ratus empat puluh lapan (1948)

NH : Ada, Ada tak sebarang gelaran yang diberikan kepada Haji?

HR : Pada waktu itu tak dak (tidak ada) apa-apa gelaran gelaranlah yang diberikan kepada saya.

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

NH : Ermmm..Jika tak keberatan, bolehkah aaa.. Haji ceritakan serba sedikit tentang latar belakang keluarga Haji?

HR : Ermmm...kuar aaaa...keluarga saya sebenarnya keluarga orang kampung, yakni keluarga petani yang membuat kerja bendang (sawah) padi, menanam padi, dan berkebun. Selain daripada tu kerja-kerja aaaa... dia aaa...armarhum ayah tu(itu) dia boleh jugak(juga) membuat rumah dan sebagainya begitulah. Tapi kedua-dua orang tua saya tu(itu) sudah,sudah,sudah lama meninggal . Jadi ayah saya sudah lima, empat puluh tahun sudah meninggal, waktu saya kanak-kanak lagi, dan ibu saya kemudian sedikit iaitu pada tahun sembilan puluhan begitu.

NH : Aaa..bolehkah saya tahu aaa.. latarbelakang kedua ibu bapa Haji. Siapakah nama ibu bapa Haji?

HR : Bapa saya nama aaa..Haji Haji Semail Semail Bin Awang, Haji Semail Bin Awang . Dia seorang yang keturunan daripada Patani, Thailand, Selatan Thai yang datang ke Kelantan dan dia itu keturunan yang ketiga waktu itu jadi saya ni(ini) keturunan yang empat begitu yang datang kat(dekat) sinilah dan mak saya tu (itu) asal memang asal orang Pasir Tumbuh, namanya Hajah Kalsom Binti Sulaiman.

NH : Ok (Baiklah). Biasanya kejayaan hidup seseorang anak dikaitkan dengan didikan dan galakan daripada ibu bapanya. Adakah itu mempengaruhi kerjaya Haji sekarang?

HR : Benar begitu tetapi kerjaya saya dengan kerjaya kedua-dua orang saya itu berbeda(berbeza) sebenarnya, kerjaya kedua-dua orang tua saya itu ialah petani, dan sememangnya waktu itu itulah kerjaya orang-orang melayu di Kelantan ini khususnya

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

sedangkan kerjaya saya ini diluar daripada, daripada, daripada yang dilakukan oleh kedua orang tua saya iaitu kerjaya saya ialah bidang seni dan jugak (juga) kepolisan.

NH : Apa pendapat Haji tentang kehidupan Haji sekarang dengan waktu Haji kecil dulu?

HR : Tentulah kehidupan sekarang itu lebih baik. Berbanding dengan empat puluh, lima puluh tahun dulu(dahulu). Pada waktu itu kehidupannya sangat susah terutama di Kelantan, orang kampung yang, pada waktu saya kecil-kecil dulu(dahulu) aaa..waktu malam pun takdak(tiada) lampu elektrik, tak guna lampu elektrik, menggunakan pelita dan tentulah sangat sukar hidup dalam terasa macam dalam kegelapanlah, jadi suasana seperti itu sudah tidak diketahui dan sudah tidak dirasai lagi oleh orang-orang generasi sekarang.

NH: Kita beralih pula kepada latar belakang pendidikan, bolehkah Haji ceritakan serba sedikit tentang latar belakang pendidikan Haji?

HR : Pada waktu itu untuk orang-orang yang belajar peringkat universiti itu terlalu sedikit dalam keluarga saya tu sebenarnya satu orang(seorang) sahaja yang saya ingat pada tahun lima, enam puluhan dulu(dahulu) yang sampai ke peringkat universiti. Jadi, jadi bukan sahaja dalam keluarga saya bahkan (malah) di dalam kampung saya pun untuk sampai ke peringkat universiti itu tersangat sedikit. Jadi saya pun pembelajaran saya hanya setakat peringkat menengah sahaja begitulah.

NH : Apakah mata pelajaran yang paling Haji gemari semasa berada di sekolah menengah?

HR : Pada masa tu pelajaran bahasa Malaysia bahasa melayu dan lukisan yang saya minati

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

NH : Adakah Haji aktif di dalam kegiatan ko-kurikulum semasa berada di sekolah menengah?

HR : Semasa berada di sekolah menengah itu saya suka jugak bersukan dan selalulah mengambil bahagian dalam acara-acara sukan dan main padang (olahraga), bola sepak dan sebagainya.

NH : Bagaimanakah dengan pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Haji di sekolah tersebut?

HR : Setakat cukup makan (lulus) begitu sahajalah pada masa tu (itu). Jadi lepas pada itu saya sambung lagi sebenarnya belajar di peringkat aaa yang sesuai dengan bidang saya ketika itu ialah graphic (grafik) ea. Saya belajar di Kuala Lumpur semasa bekerja, ya ambil bidang graphic (grafik) di sebuah kolej swasta di Kuala Lumpur dan dapat diploma daripada sekolah swasta itu dalam bidang graphic (grafik). Tapi graphic (grafik) pada masa itu tak (tidak) sama dengan graphic (grafik) yang dipelajari oleh orang-orang sekarang, oleh pelajar-pelajar sekarang yang menggunakan komputer apa semua. Pada masa saya belajar graphic (grafik) itu ialah dalam peringkat manual masih dalam tahap manual aje(sahaja) yang tidak takde(tiada) lagi melibatkan komputer.

NH : Adakah Haji mendapat sebarang tawaran biasiswa atau tajaan semasa belajar dahulu?

HR : Ermmm...tidak ada tawaran daripada mana mana-mana biasiswa kecuali mengambil diploma graphic (grafik) itu aaaa yang menawarkan pembelajaran itu ialah Polis Diraja Malaysia (PDRM) dia yang membiayainya sebab kerja saya waktu itu ada hubung kait dengan bidang tugas kepolisan

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

NH : Ermmm..Apakah yang Haji lakukan selepas tamat sekolah menengah?

HR : Setelah menganggur beberapa ketika kemudian pada waktu itulah saya merasakan, saya cuba mendekati bidang seni lukis dan saya melukis apa-apa sahaja yang saya terfikir pada masa itu, umpamanya pada masa itu lebih kepada lukisan bercorak potret dan pernah saya mengambil upah orang-orang yang mintak suruh melukis potret diri mereka itu dan saya kenakan upah. Itulah kerja-kerja yang sebelum saya mendapat kerja yang lain (bunyi batuk).

NH : Kita beralih kepada latar belakang pekerjaan tuan Haji.Ok. (baiklah) Apakah bidang perkerjaan yang terawal Haji lakukan ketika dahulu?

HR : Aaa..aaa..selepas pada (berdehem) aaa..sewaktu peristiwa tiga belas Mei tahun seribu sembilan ratus enam puluh sembilan, waktu itu saya berada di Kuala Lumpur mengikuti khusus belia dianjurkan oleh kementerian belia dan semasa disanalah meletusnya peristiwa tragedi tiga belas Mei yang kita ketahui yang meragut banyak nyawa itu (berdehem) dan pada waktu itu aaa..datanglah tawaran-tawaran daripada kerajaan daripada Polis Diraja Malaysia supaya anak-anak muda ini menyertai pasukan polis.dan pada masa itulah saya menyertai pasukan polis pada tahun sembilan belas enam puluh sembilan(seribu sembilan ratus enam puluh sembilan)(bunyi batuk)(minum air).

NH : Dimanakah tempat awal Haji bekerja?

HR : Selepas tamat mengikuti khusus kepolisan di Polis Depoh Jalan Gurney ataupun Jalan Semarak sekarang ini (bunyi batuk) kemudian saya mengikuti lagi khusus selanjutnya di Hulu Kinta di pusat latihan polis hutan pada waktu itu di Hulu Kinta Perak. Selepas tamat situ enam bulan saya menyertai pasukan polis hutan di Pengkalan Chepa iaitu Batalion Sebelas yang baru diwujudkan ketika itu di Pengkalan Chepa

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

NH : Berapakah usia Haji ketika itu?

HR : Usia saya waktu itu dua puluh dua tahun ibarat dua puluh dua atau dua puluh tiga tahun

NH : Apakah jawatan Haji ketika itu?

HR : Jawatan dalam polis ni (ini) jawatan yang paling rendah sekali konstabel la kan. Saya pun pada masa itu konstabel.(bunyi batuk)(minum air)(suara orang bercakap)

NH : Adakah Haji masih ingat lagi tugas pertama dan dimana, ceritakan serba sedikit?

HR : Ermmm...Tugas pada masa itu (berdehem) ialah di Pengkalan Chepa pasukan Batalion Sebelas PBS Pengkalan Chepa tu (itu) (bunyi batuk) (suara orang bercakap). Tugas yang paling mencabar sekali ialah tugas kepolisan hutan ini memburu pengganas komunis. (bunyi batuk) (minum air (suara orang bercakap) Jadi tugas pasukan polis hutan ini memang mencabar la. Tugas pertama ialah memburu pengganas komunis kerana pada waktu itu pengganas komunis ini sedang bermaharajalela kemudian setengah-setengah tempat tu kerajaan istiharkan darurat. Tugas saya yang pertama ialah pergi ke Selatan Thai, memburu pengganas komunis yang dikatakan sebagai Rejimen Kor 12 Parti Komunis Malaya yang dipimpin Rashid Maidin pada masa itu di Selatan Thai dan seterusnya bertugas di beberapa buah tempat di dalam hutan yang berhubung dengan pemburuan pengganas komunis.

NH : Apakah perasaan Haji ketika itu?

HR : Jadi perasaan pada waktu itu tidak takdak (tidak ada) merasa takut apa sebab itu sebagai satu tugas yang terpaksa, terpaksa dilakukan bila kita sudah bersetuju untuk menyarungkan unit Polis Diraja Malaysia itu. Maka tugas seperti itu harus, harus dipikul dan kita tidak perlu lagi merasa gentar takut sebagainya

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

NH : Apakah pengalaman Haji semasa awal bekerja?

HR : Pengalaman waktu itu ialah aaa...pernah satu masa berlaku serang hendap komunis di Gurun Kedah itu. Jadi pasukan saya tu (itu) kena terkena ambush (serangan hendap) serangan hendapnya, sebahagiannya mati tapi saya tidak jadi apa.setakat cedera sahaja.

NH : Apakah cabaran yang paling hebat Haji hadapi ketika menjalankan tugas-tugas yang diberi?

HR : Itulah antara cabaran-cabarannya, sebenarnya dalam pasukan polis ini banyak cabaran-cabarannya sebab berdepan dengan risiko yang tinggi (berdehem) yang boleh mendatangkan kecederaan, kehilangan nyawa jadi apa-apa juga tugas yang diberi harus berhati-hati semua sama, tidak ada kata tugas ni ringan tugas ni berat , sebenarnya tugas yang saya fikir tu semuanya berat yang memerlukan komitmen yang tinggi yang melibatkan survival (kelangsungan hidup) dan dan dan boleh kehilangan nyawa dan sebagainya.

NH : Menurut kajian yang kami lakukan Haji ada terlibat dalam bidang penulisan. Bagaimanakah Haji boleh terlibat dalam bidang itu?

HR : Ermmm..selain daripada tugas kepolisan itu saya juga melakukan membuat kerja-kerja lain iaitu dalam bidang penulisan. Hal ini bermula waktu (berdehem) saya errr bertukar ke Bukit Aman daripada Pengkalan Chepa Batalion11 itu bertukar ke Bukit Aman iaitu dalam tahun seribu sembilan ratus tujuh puluh lapan . Di Bukit Aman saya bekerja sebagai aaa...editor kepada majalah kulit dalam bahagian penerbitan cawangan perhubungan awam Polis Diraja Malaysia Bukit Aman dan disitulah saya terlibat dalam bidang penulisan sebab bidang tugas saya waktu itu walaupun atas nama polis tapi berbeza iaitu menulis untuk pasukan polis.

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

NH : Bolehkah haji ceritakan tentang pencapaian Haji dalam bidang itu ?.Dalam bidang penulisan.

HR : Bertolak daripada hmmm... penulisan yang sedikit yang sedikit tu (itu) yang ringan-ringan pada waktu itu sampai sekarang saya terus menulis, dan sekarang saya menulis dalam berbagai-bagai surat khabar hmmm sebagai berita dan sebagai ada nada qhad forum qhad dalam surat khabar yang saya buat lebih kurang lima tahun lepas sampai ke berterusan. Dan selain daripada itu saya juga menghasilkan buku-buku tapi kebanyakan buku-bukunya yang bertemakan politik begitu.

NH : Apakah Haji ada mempunyai kerjaya yang lain selain bidang penulisan dan sebagai anggota Polis Diraja Malaysia?

HR : Selain dari bidang tugas saya yang diamanahkan oleh polis diraja Malaysia dan tugas selain daripada itu ialah menulis untuk majalah kulit dan sampai sekarang menulis untuk berbagai-bagai jurnal yang lain. Aaa termasuk sastera saya pun minat sastera, dan selain daripada tu (itu) saya juga melukis dan inilah sebenarnya kerjaya saya yang saya paling minati dan daripada dulu sampai sekarang masih berterusan.

NH : Adakah aaa maksud haji iaitu bidang kartunis?

HR :Pada awalnya saya melukis potret dan sebagainya yang tidak melibatkan kartunis tetapi setelah menyedari melukis potret dan sebagainya kurang sesuai dengan kerjaya saya waktu itu yang sentiasa berpindah randah dari satu tempat ke satu tempat ataupun dihalangi oleh tugas-tugas yang mencabar yang berat jadi saya beralih kepada bidang kartunis kerana bagi saya kartunis itu senang dilakar, senang dibuat untuk melukis kartun itu tidak perlukan modal yang besar memadai dalam sebuah buku pun boleh kita

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

lahirkan, melahirkan satu ataupun lakaran kartun.jadi itulah saya membuat keputusan untuk menukar daripada potret kepada bidang kartun yang lebih mudah dilakukan.

NH : Apakah faktor yang mendorong Haji terlibat dengan bidang kartunis? Boleh jelaskan serba sedikit?

HR : Bidang kartunis ini sebenarnya sesuatu bidang yang susah sebenarnya walaupun tadi saya kata senang untuk membuat tapi memang senang dibuatnya tapi sebenarnya bukan semudah yang kita sangka terutama mencari idea,tetapi saya, berkat usaha saya, saya sudah mampu melepasi tahap keupayaan itu untuk mencapai sebagaimana yang saya perolehi sekarang ini.

NH :Haji terlibat dengan pelbagai kerjaya, bagaimanakah Haji membahagikan waktu ?

HR :Jadi hmmm.. walaupun kita(berdehem) banyak banyak banyakwaktu ,banyak pelbagai kerjaya yang terpaksa kita lakukan tetapi melukis kartun ini tidak memerlukan apa satu ruang masa yang panjang.memadai ruang masa yang terbatas pun kita dapat melakukannya dengan sempurna.jadi di celah-celah, diselah-selah kesuntukan masa itu ada masa yang saya luangkan sedikit untuk melukis kartun.jadi seperti sekarang ni saya banyak melukis kartun pada waktu malam jadi pada waktu malam tu tiada gangguan kerja.dan ad jugak tempat-tempat yang kerjaya saya itu sebagai seorang pelukis umpamanya di surat khabar dulu memang kerja saya di bidang itu jadi saya buat itu di waktu pejabat begitu.

NH : Bagaimanakah Haji boleh menceburi bidang kartunis?

HR :Sebenarnya hmmm menceburi bidang katunis ini, ramai orang yang mahukan dan setiap orang kalu (kalau) ditanya kenapa tu dia akan menjawab berbagai-bagai jawapan, jadi

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

saya sebenarnya seperti yang saya kata tadi sebenarnya ada ruang masa untuk kita melakar kartun itu berbanding dengan melukis potret dan sebagainya dan yang kedua melihat kepada kekurangan pelukis-pelukis kartun waktu itu berbanding dengan pelukis-pelukis lain yang saya rasa saya boleh menyesuaikan diri dengan melukis kartun.

NH : Tahun berapakah Haji mula menceburi bidang ini?

HR :Tahun seribu sembilan ratus tujuh puluh waktu itu di pengkalan chepa.waktu tu dalam pasukan polis pengkalan chepa. Dalam Batalion sebelas 9(11).disitulah saya mula melukis kartun secara agak serius sedikit dan kartun itu saya hantar kepada majalah dan majalah menerimanya dan sejak majalah menerima itu barulah saya tahu bahawa saya sebenarnya ada kebolehan dalam bidang kartun.(berdehem).

NH : Adakah Haji terlibat dalam bidang ini kerana minat?

HR :Minat itu adalah perkara utama setiap pekerjaan yang kita ni kalau tidak ada minat kita tidak akan sampai ke mana-mana, jadi minat saya dalam bidang kartun itu sebenarnya besar.

NH : Bagaimanakah Haji boleh berminat dengan kerjaya sebagai seorang kartunis?

HR :Aaa...kartunis ini sebenarnya ia ada keseronokan sendiri, setiap orang yang melukis kartun itu dia merasakan bahawa ada sesuatu yang dapat dia banggakan setelah hasil dia berjaya dilakar kemudian dimuatkan di dalam surat khabar ataupun media-media lain.jadi saya telah melihat karya-karya mereka itu di publish (dipamer)dalam surat khabar ataupun di media-media tertentu jadi timbulah keseronokan, kegembiraan pada pelukis.

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

NH : Adakah Haji menjalani latihan khusus untuk bidang ini?

HR : Melukis kartun ini sebenarnya ia tidak ada tempat pengajian khusus, tidak ada sekolah yang ada khusus kartun tapi saya ada seseorang kartunis lama veteran yang saya anggap sebagai sifu, sebagai guru saya dalam bidang kartun dan sebenarnya atas dorongan merekalah, atas dorongan arwahyarham Rejabhad (Rejab bin Had) aaaa...sehingga saya boleh menjadi seorang pelukis kartun tu sebenarnya bukan saya seorang saja yang seperti ini kartunis lain jugak pernah menerima tunjuk ajar daripada arwahyarham Rejabhad seperti Datuk LAT dan sebagainya

NH : Apakah perasaan Haji sewaktu mula-mula menceburi bidang ini?

HR : Ia merasakan bidang yang boleh menyenangkan, maksudnya yang boleh mengembirakan hati setelah karya-karya kita itu siap dan kita tunjukan kepada orang ramai peminat-peminat biar dia gembira dengan lukisan itu, itu menjadikan kita itu ada kekuatan dan semangat untuk meneruskan bidang ini

NH : Saya ada membaca beberapa karya Haji, kebanyakan karya berkait dengan peperangan dan politik? Adakah Haji memang menghasilkan karya berkait dengan peperangan dan politik sahaja?

HR : Sebenarnya karya saya sepanjang emmmm...sepanjang empat puluh tahun lebih ini bukan sepertimana yang disebut itu sahaja saya karya-karya saya ini meliputi semua sekali aspek daripada hiburan untuk kanak-kanak untuk orang dewasa dan untuk orang dewasa ini pun pelbagai-bagailah untuk orang yang, semata-mata untuk menarik minat orang , ataupun semata-mata untuk memberi orang ketawa pun ada dan yang selebihnya yang banyak saya hasilkan ialah untuk orang memahami situasi atau kondisi dalam masyarakat kita melalui bidang kartun umpamanya kritik-kritik yang saya

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

lemparkan sebenarnya untuk orang berfikir, dan mencari untuk orang berbahas untuk orang berdialog kemudian menyelesaikan persoalan yang saya timbulkan itu. Kemudian apa-apa yang saya lakukan itu ialah kritik-kritik saya yang saya melihat ada kecacatan dalam masyarakat.

NH : Apakah karya Haji yang pertama dihasilkan?

HR : Karya saya yang pertama dihasilkan ialah karya yang semata-mata untuk menghiburkan pembaca saja yang tidak lebih pada itu yang tidak ada unsur-unsur, sindiran-sindiran yang tajam yang boleh sepertimana yang saya kata tadi yang boleh orang berfikir isu-isu yang hangat tidak begitu sebenarnya untuk hiburan semata-mata. Jadi karya saya itu yang pertama sekali disiarkan dalam majalah filem pada waktu itu. Majalah filem itu terbitan 'Singapore'[Singapura] jadi itulah gelanggang ataupun medan tempat kartunis-kartunis yang seangkatan dengan saya seperti Dato Lat, seperti Rizammas, seperti Mizhab mengasah bakat dia. Kalau(kalau) tidak(tidak ada) majalah filem itu saya pun tak(tidak) tahu kemana karya-karya itu nak apa nak dipublishkan(dipamerkan) kerana itulah satu-satunya dan sumbangan terbesar media untuk pengembangan struktur kartun pada waktu itu.

NH : Adakah karya-karya yang dihasilkan mempunyai teknik yang tersendiri, bolehkah Haji jelaskan?

HR : Ia pada peringkat awalnya setiap orang yang mahu menjadi seorang kartunis dia akan meraba-raba mencari identiti. Ha (Ya) ini yang paling rumit sekali. Krisis identiti ini jadi setiap orang itu setiap kartunis itu dia akan terikut-ikut dengan idola kartunis yang menjadi idola mereka baik dalam negeri ataupun di barat kemudian dia meniru tetapi selepas dia mendapat identiti sendiri dia pun terlepas daripada ikatan ataupun belenggu

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

idola-idola tadi dan meneruskan karya atas nama diri sendiri. dan itulah yang saya pun terjadi kepada saya pun itu pada asalnya saya pun tak tahu yang mana harus saya ikut 'nak'[hendak] ikut Dato Lat nanti Dato Lat marah nak ikut Mizhab Mizhab 'mara'[marah] 'pasai'[pasal] 'da' [dah] ada dah .'Nak'[hendak] ikut orang barat pada masa tu pengetahuan dengan kartunis barat tu jauh lagi. Karya-karya mereka pun kita tak pernah tengok jadi saya meraba-raba mencari kadang-kadang seperti Lat kemudian orang marah jadi kita tukar akhirnya kita dapat identiti sendiri. Dan kartunis-kartunis harusnya begitulah tidak seperti saya Tidak berlaku kepada saya sahaja orang lain pun macam tu juga.

NH : Sebelum haji menghasilkan sesuatu karya ,adakah haji membuat sebarang kajian ataupun berdasarkan pengalaman haji sendiri?

HR : Sebelum kita membuat menghasilkan sesuatu karya kartun sebenarnya kita banyak membaca, dalam kepala kita itu banyak pengetahuan, banyak aaa banyak apa itu kita masukkan dalam kepala kita itu banyak perkara-perkara yang kita lihat itu untuk kita buat satu kajian, kepala kita itu menjadi mesin mesin untuk mengkaji menganalisis sesuatu yang kita lihat itu sesuatu isu yang kita tangkap itu supaya boleh diterjemahkan kepada kartun dan menarik dan menjadi orang suka membaca dan berfikir ke arah itu.

NH : Bolehkah Haji ceritakan karya-karya besar yang dihasilkan?

HR : Banyak saya menghasilkan karya-karya yang adakalanya kontrovesi yang menimbulkan kontrovesi dalam masyarakat umpamanya pernah saya menghasilkan sebuah karya dakwah kartun yang berbentuk komik dakwah yang mengupas tentang dialog antara seorang paderi kristian dengan seorang ulama islam dalam bentuk soal jawab sehingga menimbulkan emmm kegusaran dikalangan penganut-penganut katolik di Malaysia

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

sehingga diminta diharamkan oleh kementerian dalam negeri pada waktu itu Tun Abdullah Badawi sebagai menteri keselamatan dalam negeri tapi beliau waktu itu tidak mengharamkan dan terus 'dipublishkan'[diterbitkan] dan mendapat sambutan diluar jangkauan . Selain daripada itu ada jugak kartun-kartun saya yang pernah ditegur oleh pihak-pihak tertentu kemudian ada jugak yang dimintak supaya apa menghasilkan karya-karya yang jangan terlalu mengjritik sesuatu golongan tertentu tapi saya teruskan lah dengan cara saya sendiri iaitu kita tidak mengkritik dengan niat untuk memusnahkan seseorang kita mengkritik apa yang tidak yang kita pikir mereka lakukan tidak betul yang ada fakta dan bukti yang cukup tidak sebagaimana sesetengah yang melukis kartun dengan khayalan dia dengan fitnah dan sebagainya.saya tidak , saya cuba mengelakkan kartun-kartun saya tu daripada bersifat fitnah, yang bersifat yang jauh dari fakta yang sebenar.

HN : Boleh haji jelaskan karya yang sangat memberi kesan kepada haji?

HR :Karya-karya saya...(sambil terbatuk) yang selama saya bekerja dengan dalam dalam dalam surat khabar The Sun 'tu' [itu] misalnya 'dok' [kan] dalam dalam The Sun 'tu' [itu] saya bekerja sebagai 'editorial' [juruedit] kartunis. Selama Sembilan (9) tahun (sambil kedengaran deringan telefon) dan kerja saya 'tu' [itu] melibat terlibat dengan erm...melakar kartun setiap hari dalam akhbar tersebut. (sambil kedengaran deringan telefon) jadi banyak perkara-perkara yang saya dapat daripada..daripada penghasilan saya itu. Ramai orang-orang yang memuji ramai orang-orang yang mengeji dan sebagainya dan ramai orang ramai orang-orang yang menelefon saya ingin memberi kata-kata perangsang yang bahkan yang yang yang sindir pun pun ada yang apa sindir-sindir 'tu' [itu]. Yang memberi kata – kata perangsang itu dan karya-karya saya 'tu' [itu] yang ada

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

'jugak'[juga] yang di minta oleh...oleh pembesar-pembesar negara seperti menteri untuk dia 'bagikan'[bahagikan] di pejabat mereka pun ada yang saya terpaksa berikan kepada mereka.

NH : Adakah karya haji di terbitkan atas sekadar koleksi peribadi? Bolehkah haji jelaskan.

HR : Karya saya selain daripada di terbit untuk untuk siaran akhbar umpamanya tempat yang saya bertugas dulu di The Sun 'tu' [itu] jadi 'hok' [yang] sebenarnya jadi yang utama sekali saya melakarkan satu itu untuk akhbar tersebut yakni akhbar The Sun. Jadi segala apa yang sumbangan saya itulah untuk akhbar itu akhbar itu. Tetapi karya asli saya itu jadi hak milik saya jadi saya kumpulkan semua karya-karya saya 'tu' [itu] sehingga...sehingga dua (2) tiga (3) empat (4) ribu dan sebahagiannya sebanyak seribu lima ratus saya (1500) (sambil kedengaran suara staf-staf lain berbual) serahkan kepada..kepada.. kepada kepada Perpustakaan Negara Malaysia untuk simpanan mereka kerana menurut menurut Perpustakaan Negara Malaysia banyak karya-karya pelukis penulis orang-orang kita di dahulu kala dahulu tidak di serahkan kepada mereka atau tidak diserahkan kepada Arkib Negara akhirnya hilang begitu saja 'bila' [apabila] dia mati hilang umpamanya karya-karya besar seperti Tun Seri Lahnna apa semua 'tu'[itu] di 'ambik'[ambil] oleh Inggeris 'bowok'[bawa] ke 'bowok' [bawa] ke apa England apa semua kan sehingga orang melayu sendiri untuk membuat rujukan tentang penulis-penulis Melayu agung tu pun terpaksa pergi kepada pergi kepada England untuk untuk untuk me..me..me..mengambil semula ataupun untuk...untuk..untuk bukan mengambil untuk... me..meminjam apa me..ape membuat rujukan jadi menyedari itulah Perpustakaan Negara membeli karya saya yang sebanyak seribu lima ratus (1500) dengan

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

sebab itu sebagai melihat penting itu untuk tujuan itu mungkin pada masa itu atau pada sekarang 'ni'[ini] 'tak dok' [tiada] nilai 'apo'[apa] tetapi lima puluh tahun (50) atau seratus tahun (100) lagi karya saya itu ada nilai sebab saya menceritakan setiap hari itu perkara yang berlaku pada hari itu. Kita me...sebagai seperti seorang wartawanlah dia menulis untuk hari itu.apa yang berlaku di Malaysia atau di dunia pada hari itu maka disiarkan dan dan di apa dijadikan aaa....kar...karya kartun 'tu' [itu] jadi pada tahun pada lima puluh(50) tahun atau seratus tahun(100) akan datang kalau orang melihat bagaimana Malaysia pada tahun seribu sembilan ratus sembilan puluh (1990) aaa... bulan lima (5) misalnya 'dok'[kan] dia tengok kartun pada satu (1) bulan lima (5) tahun seribu sembilan ratus sembilan puluh (1990) ooo....dia tau macam ni Malaysia rupanya (sambil batuk-batuk). Ermmm...jadi macam 'tulah'[itulah] lebih kurang ceritanya.

NH : Bolehkah haji ceritakan harga atau nilai setiap karya yang dihasilkan. Bagaimana haji menentukan nilai tersebut?

HR : (Batuk) Ermm...kalau kita sebenarnya nilai harga ni karya kita ni sebenarnya ditentukan oleh pihak akhbar akhbar itu sudah tentukan nilai nilai setiap karya seseorang itu yang dimuatkan dalam akhbar itu begini nilainya 'dok'[kan] jadi selalunya tidak tidak pada kartunis (sambil batuk) tetapi ermm..Perpustakaan Negara Malaysia itu yang membeli karya saya 'tu' [itu] sebanyak se..seratus (100)...seribu lima ratus (1500) keping tu dengan nilai sembilan puluh lapan ribu (98000) dia beli ermm.. sembilan puluh lapan ribu (98000). Ermm...(sambil terbatuk).

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

NH : Apakah cabaran-cabaran yang haji tempuhi di awal penglibatan sebagai seorang kartunis?

HR : Pada peringkat awal sewaktu kita masih merangkak dalam bidang kartunis ‘ni’ [ini] macam kanak-kanak pulak kita kata ‘gitu’ [begitu] ‘dok’ [kan] jadi banyak orang yang me..mem...memperli, menghina dan mengatakan ‘sedara’ [saudara] kita sendiri pun mengatakan untuk apa ‘ni’ [ini] melukis kartun ‘ni’ [ini] ‘nak’ [hendak] cari makan pun ‘tak’ [tidak] boleh (sambil ketawa) dan rugi masa ‘je’ [sahaja] baik ‘wat’ [buat] kerja lain tiap-tiap hari masuk bilik ‘duk’ [duduk] melukis.... ‘takdok’ [tiada] satu(1) sen ‘takdok’ [tiada] ‘guno’ [guna] ‘ni’ [ini] ‘takleh’ [tidak boleh] duit ‘ni’ [ini] tetapi akhirnya berkat kesabaran kesabaran kita ‘tu’ [itu] ermm..ada waktunya di kemudian hari ada hasilnya yang boleh boleh boleh beri sumbangan kepada kita kepada setiap orang yang berkarya itu.

NH : Jika ‘nak’ [hendak] di bandingkan dengan sekarang ada ‘tak’ [tidak] terdapat perbezaan yang ketara semasa perkhidmatan haji sekarang berbanding yang dlu, dari segi apa?

HR : Ermmm...jadi kalau dahulu berkartun ‘tu’ [itu] seperti saya ceritakan pada tahun tujuh puluh (70) an itu pada peringkat permulaan saya melukis kartun itu karya-karya setiap kartun termasuk sayalah dihantar ke majalah filem di ‘Singapore’ [Singapura] dan pada masa itu dia ti..tidak mendapat apa-apa pun sumbangan wang daripada majalah tersebut setiap karya yang disiarkan cuma diberikan sekeping tiket wayang dapat percuma di Panggung Wayang Soo panggung wayang Wayang Soo dengan untuk dua (2) orang ‘je’ [sahaja] untuk dua (2) orang penonton. Itu sajalah yang..yang..apa yang kita yang sangat-

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

sangat pelukis dapat untuk satu (1). Walaupun begitu ia sudah menjadi satu (1) kebanggaan setiap pelukis pada masa itu. Kemudian masa berjalan ermmm..sekarang ini tidak ada 'takde'[tiada]lagi yang yang apa penerbit ataupun media yang menyiarkan kartun dengan memberi bayaran dengan cara dengan cara tiket wayang apa semua itu sekarang sudah bagi wang sudah bagi wang yang sebahagiannya sangat lumayan setiap kartunis itu ada ada ada apa ada nilai setiap orang itu nilainya tidak sama seumpama Dato Lat nilainya begini....ermmm...(sambil terbatuk) Nan nilainya begini dan saya nilainya begini.. ermm... dia 'tak'[tidak] sama bergantung pada populariti masing-masinglah.

NH : Adakah haji menerima mana-mana bantuan ataupun tajaan untk mengkomersialkan karya haji?

HR : Tidak...tidak ada daripada mana-mana pihak sebenarnya atas atas daya usaha sendiri.

NH : Pernah 'tak' [tidak] haji diarahkan untuk bertugas di luar kawasan seperti di luar Negara. Di mana?

HR :Di....se...se..semasa hari 'tu'saya diterima oleh...oleh pusat pembiayaan Jepun untk Asia Tenggara ermmm...me..mewakili Malaysia maka bersama dengan pelukis-pelukis dunia yang lain masa itu iaitu Indonesia, Filipina, 'Singapore' [Singapura], Jepun, Mynmar ,India... ermmm ...Brunei Brunei 'tak'[tidak] silap pun ada 'jugak' [juga],maka dia...dia mintak supaya karya-karya setiap orang yang yang di..di..apa 'tu'[itu] di pilih dihantar untuk dipamerkan di negara-negara yang yang terlibat itulah. Jadi karya-karya saya pun pernah... pernah dipamerkan di Jakarta,di 'Singapore'

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

[Singapura] di Lenggong, di Manila, di Bangkok, dan 'Singapore'[Singapura] dan sebagainya.

NH : Berapa..berapa lama haji berkhidmat sebagai kartunis?

HR : Se..sejak tahun sembilan puluh (90) seribu sembilan ratus sembilan puluh (1990) sampai sekarang saya..saya..saya..belum berhenti lagi masih lagi berkarya yang... yang bukan..bukan..bukan bertambah sedikit tapi bertambah banyak (sambil ketawa).

NH : Adakah haji pernah terlibat dalam mana-mana aktiviti kemasyarakatan?

HR : Dan kalau me... ermmm....terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan pun..pun banyak yang melibatkan erm....pada bidang lukisan. Jadi ramai yang menjemput saya 'tu'[itu] untuk pergi ceramah pun ada tentang..tentang kegiatan kartun kemudian pergi...pergi bengkel...bengkel menyertai mengajar....mengajar budak-budak tertentu kan untuk melukis kartun ataupun ermm....'demo'[demonstrasi].. 'demo'[demonstrasi] ..'demo'[demonstrasi] kartun dan banyaklah banyaklah yang terlibat dengan hal-hal yang seperti itu.

NH : Apakah erti perkataan kartunis pada pandangan haji?

HR : Dia kartunis 'ni [ini]' sebenarnya makna dia lukis kartun kartunis 'tu'[itu] lukis kartun. Yang kartun 'tu'[itu] banyak..banyak kategori sebenarnya..ermm...kartun untuk kanak-kanak yang seperti waris seni yang seperti doramon Jepun yang dalam televisyen 'tu' [itu] kartun untuk kanak-kanak yang..yang bila melihatnya orang ketawa kemudian hilang begitu sajalah. Kemudian kartun untuk..untuk sindiran seperti...seperti disiarkan di dalam akhbar apa semua 'tu'[itu]. Kemudian ermm...kartun politik, kartun politik

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

inilah yang paling..yang paling..yang paling.. di..digeruni ramai 'tu'[itu]. Jadi setiap orang yang kartunis politik itu ermmm...dia apa dia...dia...melihat sesuatu..sesuatu sesuatu dalam masyarakat itu dari kaca mata politik kemudian dia menghasilkan karya politik dia.

NH : Profesion sebagai seorang kartunis dikatakan sangat kreatif dan mempunyai idea yang menarik. Adakah untuk menjadi serorang kartunis harus mempunyai bakat tersebut?

HR :Seorang kartunis itu (sambil berdehem) dia...dia ha...harus merangkumi ada beberapa elemenlah elemen yang penting kreatif dan idea yang 'ni'[ini] yang paling utama sekali sebagaimana yang disebut. Kreatif ialah ermm...dapat menghasilkan dengan secara yang luar biasa dengan secara orang yang orang..orang ramai ataupun pembaca tak sangka bahawa dia...dia..melahirkan karya seperti itu bila melihat sesuatu yang menarik dan hal ini kena sepadan ataupun kena seiring dengan idea-idea yang meng.. .idea-idea itu. Idea-idea dengan kreatif itu aa...seperti mana irama dan lagu 'tak'[tidak] boleh 'tak'[tidak] boleh 'nak'[hendak] di pisahkan.

NH :Bolehkah seseorang itu belajar untuk menjadi seorang kartunis tanpa ada bakat tertentu?

HR :Sebenarnya untuk menjadi seorang kartu...kartunis itu mestiada bakat jadi kalau..kalau..kalau.. 'takde'[tiada].. 'takde'[tiada] bakat belajar kartunis itu itupun su..sukar jugak 'tu' [itu] tapi ada di negara-negara barat 'tu'[itu] dia bukan...dia bukan..bukan pelukis tapi dia dapat menghasilkan dialog-dialog kartun . Dialog -dilaog kartun itu dia..dia jual kepada pelukis kartun. Ada pelukis kartun yang 'tak'[tidak] dapat

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

menghasilkan dialog-dialog ataupun idea yang 'takdok'[tiada] idea 'tu'[itu] dia..dia menjual idea pun ada tapi sini saya 'tak'[tidak] pernah berlaku macam 'tu'[itu] jadi sebenarnya dalam konteks saya 'ni'[ini] kartunis dan bakat tertentu mesti... mesti ada mesti seiring.(berehat sekejap)

NH : Apakah kenangan manis dan pahit haji sepanjang menjadi kartunis?

HR :Ermmm...(sambil berdehem)jadi seorang kartunis ni dia banyak cabaran dia sebenarnya (kedengaran suara kakitangan lain berbual) jadi sebagai seorang pengkritik ni dia dia tidak boleh larilah daripada...daripada unsur-unsur pertama orang marah yang kedua orang suka dengan cara yang kita lemparkan. Jadi (sambil terbatuk) pengalaman-pengalaman saya ini erm....ad..ada ketikanya yang sangat menggemirakan seperti umpama apa seperti ermm..apa-apa yang kita hasilkan itu di di responkan oleh orang ramai dengan cara baik dengan cara menggemirakan kemudian ada ketikanya diresponkan dengan cara yang apa dengan..dengan cara yang kurang baik bagaimana pernah berlaku terutama waktu saya kerja di The Sun dulu macam-macam respon yang saya terima sebab pada masa itu banyak berlaku pergolakan politik di Malaysia yang hebat dan mereka parti dan sebagainya yang melibatkan saya harus merakamkan peristiwa-peristiwa seperti itu. ermmm..tanpa...tanpa di ditepis di canggah tanpa dipersetujui oleh pihak-pihak tertentu.

NH : Pada pandangan haji, adakah rasa adakah haji rasa kartunis pada zaman sekarang lebih beruntung kerana telah disediakan dengan pelbagai kemudahan dan keistimewaan berbanding kartunis pada zaman dahulu?

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

HR :Jalah kartunis yang lahir sekarang ini generasi sekarang ni lebih...lebih beruntung daripada zaman saya (sambil kedengaran kakitanganberbual) dulu sebab kemudahan-kemdahan nak menyalurkan karya mereka kepada media itu mudah dan banyak keistimewaannya (sambil kedengaran kakitangan berbual)berbanding dengan dulu ermm..seperti kalau zaman saya dulu untk menghantar karya-karya kepada surat khabar itu terpaksa pergi sendiri pergi jumpa-jumpa meja meja pengarang itu dan serahkan kepada...kepada pengarang hasil karya kita sebagaimana yang ditetapkan jam berapa hari berapa berbanding dengan sekarang. Sekarang ini tidak perlu lagi membuat kerj-kerja seperti itu memadai dengan eermmm...me..me..me..mengirim melalui email dan sebagainya begitu. Jadi kemudahan sekarang dengan dulu itu tentulah sekarang lagi..lagi baik.

NH :Adakah haji pernah menjawat jwatan penting sepanjang berada dalam bidang ini?

HR :Ermmm....pada tahun seribu Sembilan ratus Sembilan puluh (1990) saya dengan beberapa orang kawan menubuhkan persatuan, persatuan kartunis Selangor dan Kuala Lumpur dan Wilayah. Persatuan Kartunis Selangor dan Wilayah Persekutuan ataupun (PEKARTUN) (sambil terbatuk). Jadi sebagai seorang jawatankuasa penaja tentulah banyak tugas-tugas yang harus dipikul untuk menghidupkan persatuan itu dan itulah satu-satunya persatuan yang wujud di Malaysia ini iaitu PEKARTUN . (sambil kedengaran kakitangan berbual) yang mereka yang terlibat (sambil terbatuk) pada waktu itu ialah Professor Dr Mulyadi Mahmood daripada ‘UiTM’ [Universiti Teknologi Mara] Dato Lat dan Habuan Husin, Zuna dan beberapa kartunis yang kebanyakan daripada majalah gila-gila dan sampai sekarang pun ermm...(sambil terbatuk)itu masih masih

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

berjalan terus cuma dikendalikan oleh orang-orang yang sekarang orang-orang yang generasi baru itu.

NH :Diantara karya yang dihasilkan adakah terdapat karya yang bernilai atau mempunyai keunikan sendiri? (sambil kedengaran staff berbual)

HR :Sebenarnya karya-karya yang saya hasilkan dahulu dengan cara...cara saya melukis itu cara...cara yang unik yang apa di yang yang 'takde'[tiada] orang (sambil batuk) dapat membuat sebegitu rupa dengan lakaran-lakaran dengan coretan-coretan yang halus. Jadi lukisan yang ini satu sangat-sangat bernilai umpamanya saya melukis potret seseorang dengan karikatur seseorang misalnya karikatur menteri misalnya. Jadi ramai menteri-menteri yang berminat akan 'stroke' [garisan]saya yang saya hasilkan itu. Bahkan (sambil kedengaran kakitangan berbual) sampai orang-orang luar Negara juga meminta saya melukiskan ada. Satu masa itu daripada Bangkok menelefon untuk melukis potret mereka dengan cara karikaturlah kerana dia suka kepada garisan-garisan yang saya hasilkan secara halus dan berseni itu. Tapi sekarang saya lebih kepada garisan yang secara kasar kerana saya memasukkan warna melalui computer,jadi nilai seni agak berkurang berbanding dahulu. (sambil kedengaran kakitangan berbual)

NH :Apakah anugerah-anugerah yang pernah haji terima?

HR : Sepanjang karier saya sebagai kartunis ini banyak sebenarnya saya terima anugerah-anugerah baik daripada kerajaan ataupun swasta. Antara yang kerap saya terima ialah semasa saya bertugas sebagai 'editorial'[juruedit] kartunis di The Sun dulu iaitu daripada Kementerian Hal Ehwal Pengguna Malaysia. Jadi setiap tahun Kementerian Hal Ehwal Pengguna Malaysia itu memberi hadiah kepada karya-karya kartun penulisan berita yang

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

memaparkan hal-hal ehwal pengguna di Malaysia. Jadi karya-karya saya yang melibatkan kepenggunaan itu saya tidak pernah mengirim kepada mereka tetapi mereka mengutipnya daripada akhbar yang menyiarkan itu kemudian mereka menilai sendiri bila sampai waktunya di beri penghargaan dan penghargaan itu sampai kepada anugerah tertinggi yang diterima peringkat pertamalah. Kemudian ada yang tahun-tahun berikutnya anugerah saguhati dan sebagainya. Selain daripada itu, ada daripada swasta daripada persatuan-persatuan kartunis yang memberi hadiah sebagai kartunis terbaik Malaysia tahun dua ribu (2000) dua ribu sebelas (2011) dua ribu satu (2001) tak silap saya.

NH : Anugerah yang manakah paling memberi kesan kepada haji?

HR : Anugerah-anugerah itu sebenarnya dripada semua itu berkesan kepada saya satu dorongan satu penghargaan yang saya ‘tak’[tidak] terfikir orang akan berikan kepada saya sepanjang penglibatan saya dalam kartun itu. Jadi walaupun penghargaan atau anugerah tu tidak melibatkan wang yang banyak tetapi saya merasakan itu saya satu penghargaan yang sangat bernilai bagi saya diatas penilaian mereka bahawa karya-karya saya berhak untuk mendapat penganugerahan mereka

NH :Bagaimanakah karya-karya haji memberi kesan kepada masyarakat dan generasi sekarang?

HR : Setiap karya yang kita hasilkanlah yang terbit daripada mesin berfikir kita yang sangat sangat apa terperinci setiap karya yang kita hasilkan kita sudah mengkaji dari setiap sudut implikasi risiko dan sebagainya. Andainya kita membuat ataupun kita merakam ‘mempublish’[menterbit] hal-hal seperti itu. Jadi apa-apa karya yang saya hasilkan berdasarkan kepada beberapa faktor yang pertama dapat menggerakkan suatu

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

masyarakat berfikir ke arah isu yang saya bagikan tanpa mereka merasakan mereka itu dihina ataupun mereka tanpa merasakan mereka itu di...di...di...dipersendakan dengan karya itu. itu penting itu umpamanya kita nak mengkritik seseorang menteri misalannya menteri kita mengkritik dia tapi kita kita membikin karya kita itu supaya dia tidak marah kepada kita dia boleh terima kritikan kita itu. Itu yang penting bagi setiap seorang kartunis kalau kartunis yang tidak dapat menghasilkan melalui itu, dia masih gagal lagi sebenarnya. Kartunis harus berfikir bahawa dia mengkritik seseorang itu dan orang itu tidak marah (sambil kedengaran suara kakitangan berbual).

NH :Apakah pendapat haji tentang mutu kartunis sekarang dan apakah yang perlu dipertingkatkan lagi serta diperbaiki?

HR :Dalam bidang kartun ini di Malaysia ini terutama kartun politik ini sebenarnya tidak ramai hanya beberapa orang 3 atau 4 orang sahajalah yang kita kenal yang kartun politik yang lain-lain itu ramai kartunis-kartunis di Malaysia ini yang sangat berbakat yang hebat-hebat pun ramai tapi dia tidak terlibat dalam satu kritikan atau tidak melibatkan mengkritik masyarakat atau tidak mengkritik sosial-sosial dalam masyarakat tidak melibatkan itu hanya sekadar hiburan semata-mata. Jadi kartunis sekarang seharusnya mengambil pendekatan yang lebih baik daripada dulu dengan memperbaiki mutu-mutu karya dia supaya boleh diterima oleh masyarakat dan..dan tidak hanya sebagai kartunis untuk penglipur lara sahaja dan kita perlu nyatakan sini bahawa di Malaysia keadaan sosial penduduk-penduduk misalnya pelbagai kaum jadi pantang larang dalam melukis kartun itu harus ada dan setiap kartunis mesti mencegah bahawa kartunis tu kartunnya atau karya-karya itu tidak menyakiti hati kaum yang lain. Itu penting tadi tu.

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

NH : Apakah pendapat haji tentang pengetahuan bidang kartunis di Bandar dan di luar Bandar ataupun pendalam?

HR :Di dalam Bandar itu sebuah masyarakat yang terbuka. Masyarakat yang terbuka maksudnya yang boleh menerima kartun itu dengan tangan terbuka dengan pandangan dia yang terbuka itu dia senang menerima kartun berbanding dengan luar pedalamannya yang masih belum lagi sebenarnya mengenali dunia kartun yang menganggap kartun itu sebagai suatu hiburan semata-mata mungkin ada perbeaan di situ ‘tu’[itu] tapi sekarang ‘ni’ [ini] dengan ada media-media yang sangat luas tu apa halangan-halangan kartun untuk ke pedalaman apa tu sudah tidak semakin longgar.

NH :Apakah bidang ini sesuai di jadikan matapelajaran untuk memenuhi permintaan pasaran masa kini dalam bidang kartunis?apakah pendapat haji?

HR :Seharunya sudah lama wujud ni matapelajaran untuk bidang kartun di Negara kita ‘ni’[ini] tapi kita ‘tak’[tidak] ‘tau’ siapa yang harus mengambil peranan ini dan kalau...kalau sebab kita melihat permintaan kepada bidang kartun ini sentiasa terbuka cuma kartun di situ tidak ada satu institusi pembelajaran khusus untuk mendapatkan ilmu-ilmu tentang dunia kartun tentang..tentang kartun itu untuk menghasilkan karya-karya yang bermutu jadi seharusnya ada matapelajaran khususlah diajar di sekolah-sekolah peringkat menengah yang sepertimana lukisan-lukisan yang lain.

NH :Pernahkah haji menyuarakan bidang kartunis ini menjadi salah satu matapelajaran di mana-mana IPTA?

HR :Pernah saya menulis beberapa artikel tentang pentingnya kartun dan pernah saya menyebutnya kepada teman-teman, pelajar-pelajar dan pada apa yang yang terlibat degan

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

kartun ni yang bekerja di institusi pembelajaran yang terlibat dengan kartun tetapi tidak nampak pun matapelajaran kartun ni di bukak ataupun di ajar di..di apa di institusi pengajian tinggi mereka. Begitulah.

NH :Institusi pengajian manakah yang haji rasa sesuai?

HR : Seharusnya 'UiTM'[Universiti Teknologi Mara] sebab 'UiTM' [Universiti Teknologi Mara] tu dia ada cabang dia ada fakulti seni halus dan kawan saya pun yang terlibat dengan kartun 'ni' [ini] memang daripada 'UiTM' [Universiti Teknologi Mara] iaitu Professor dr professor madya dr Mulyadi Mahmood dan memang dia pun mendapat 'PHD'[Doctor of Philosophy] dalam bidang kartun melayu semasa di England dulu. Jadi dialah sebenarnya mengetuai fakulti seni halus seharusnya fakulti itu dimasukkan jugalah bidang kartun.

NH :Bolehkah bidang kartunis dijadikan sumber pendapatan kepada Malaysia bagaimana dan apakah pendapat haji?

HR :Tapi sekarang ni saya melihat bidang kartun terutama animasi...animasi itu sudah..sudah mendapat apa sudah mendapat pujian-pujian daripada masyarakat luar negara seperti upin dan ipin sehingga kartun upin ipin terkenal di negara lain khususnya Indonesia, orang Indonesia itu lebih kenal upin ipin daripada pemimpin-pemimpin (sambil ketawa) kita 'ni' [ini] Malaysia 'ni'[ini] jadi kalau pergi ke Indonesia 'tu' [itu] orang Indonesia tu dia belajar belajar bahasa Malaysia itu melalui kartun 'tu' [itu] kartun upin ipin jadi perlulah benda 'ni' [ini] di ketengahkan lagilah.

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

NH :Bagaimanakah jika bidang kartunis di promosikan di peringkat antarabangsa. Apakah pendapat haji?

HR : Di peringkat sebenarnya hal-hal sebegini yang seperti saya sebut tadi Jepun ‘tu’[itu] dalam bahagian kebudayaan Jepun untuk ke luar negara itu,(sambil kedengaran orang ketawa) pusat kebudayaan Jepun di luar negara itu mempromosikan (sambil kedengaran orang ketawa) kartun ni di negara luar daripada Jepun tetapi di negara kita ‘ni’[ini] saya ‘tak’ [tidak] pernah dengar lagi kita mempromosikan kartun di luar Negara misalnya luar Negara sepatutnya mengambil contoh daripada pusat kebudayaan Jepun ‘tu’[itu] setiap tahun dia menghantar kartunis-kartunis yang membiayai segala makan minum elaun dan sebagainya ke luar Negara. Dia ambil satu negara satu orang, seharusnya Negara kita me..me...mengambil pendekatan cara jepun itu.

NH : Pada pandangan haji bagaimana masa depan kerjaya sebagai seorang kartunis?

HR :Menjadi seorang kartunis itu tidak..tidak akan merugikan sebenarnya kerjaya kartunis itu boleh mengembang daripada masa ke semasa dan akan datang masa depan kartunis itu lebih baik dari sekarang.

NH : (kedengaran pintu di ketuk) Nasihat haji kepada kartunis sekarang?

HR :Kepada kartunis-kartunis yang ada di Malaysia sekarang yang ramai sebenarnya bilangannya yang bekerja di akhbar-akhbar di majalah khususnya kartun pun banyak (sambil batuk) jadi nasihatkan mereka itu mencari identiti kartun itu berdasarkan Malaysia Malaysia (sambil batuk) jangan meniru lukisan-lukisan ataupun kartun-kartun luar Negara sebab saya tengok dalam majalah-majalah kartun khususnya di Malaysia ini banyak meniru ataupun mirip kepada lukisan-lukisan Jepun, China dan sebagainya jadi

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

untuk supaya masa depan kartunis Malaysia ni harus mencari identiti sendiri yang sesuai dengan budaya bangsa kita di Malaysia ini (sambil batuk).

NH :Akhir sekali, apakah harapan haji terhadap bidang kartunis di Malaysia?

HR : Setiap kartunis tu mengharapkan karya-karya yang dihasilkan terus mendapat perhatian syarikat pemerintah dan sebagainya untuk me...apa untuk meneruskan karya mereka itu seharusnya mendapat bimbingan dan galakan daripada orang ramai ‘jugak’[juga].

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

2.0 RUJUKAN

Haji Rosidi bin Semail (wawancara,28 Mei,2013). *Wawancara mengenai pengalaman beliau dalam bidang kartunis*. Diwawancara oleh Nur Hanisah bt Hussain dan Nor Salywani bt Amaram. Kota Bharu : Kelantan

3.0 SENARAI SOALAN WAWANCARA

BAHAGIAN A

Latar Belakang

1. Assalamualaikum Haji...Apa khabar?
2. Bolehkah Haji ceritakan serba sedikit tentang diri Haji?
3. Ada tak sebarang gelaran yang diberikan kepada Haji?
4. Kenapa Haji diberikan gelaran tersebut? (Kalau ada)
5. Jika tak keberatan, bolehkah Haji ceritakan serba sedikit tentang latar belakang keluarga Haji?
6. Haji kita beralih pula kepada latarbelakang kedua ibu dan bapa Haji.Siapa nama penuh ibu dan bapa Haji? Adakah mereka masih ada lagi?
7. Biasanya kejayaan hidup seseorang anak dikaitkan dengan didikan dan galakan daripada ibu bapanya. Adakah itu mempengaruhi kerjaya Haji sekarang?
8. Apa pendapat Haji tentang kehidupan Haji sekarang dengan waktu Haji kecil dulu?
9. Kita beralih pula kepada latar belakang pendidikan, bolehkah Haji ceritakan serba sedikit tentang latar belakang pendidikan Haji?
10. Mata pelajaran yang paling Haji gemari semasa berada di sekolah menengah?
11. Adakah Haji aktif di dalam kegiatan ko-kurikulum semasa berada di sekolah menengah?
12. Bagaimanakah dengan pencapaian Penilaian Menengah Rendah (PMR) Haji di sekolah tersebut?
13. Bagaimanakah pula dengan pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Haji di sekolah tersebut?
14. Adakah Haji mendapat sebarang tawaran biasiswa atau tajaan semasa belajar dahulu?
15. Apakah yang Haji lakukan selepas tamat sekolah menengah

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

BAHAGIAN B

Latar belakang Pekerjaan

16. Apakah bidang perkerjaan yang terawal Haji lakukan ketika dahulu?
17. Dimanakah tempat awal Haji bekerja?
18. Berapakah usia Haji ketika itu?
19. Di manakah Haji mula-mula ditugaskan?
20. Apakah jawatan Haji ketika itu?
21. Haji masih ingat lagi tugas pertama dan dimana, ceritakan serba sedikit?
22. Apakah perasaan Haji ketika itu?
23. Apakah tugas lain yang pernah Haji lakukan?
24. Boleh Haji ceritakan sedikit tentang tugas-tugas tersebut?
25. Apakah pengalaman Haji semasa awal bekerja?
26. Apakah cabaran yang paling hebat Haji hadapi ketika menjalankan tugas-tugas yang diberi?
27. Menurut kajian yang kami lakukan Haji ada terlibat dalam bidang penulisan, Bagaimanakah Haji boleh terlibat dalam bidang ini?
28. Bilakah Haji mula menceburi bidang penulisan?
29. Bolehkah haji menceritakan tentang pencapaian Haji dalam bidang ini?
30. Apakah Haji ada mempunyai kerjaya yang lain selain bidang penulisan dan sebagai anggota Polis Diraja Malaysia?
31. Boleh Haji jelaskan?
32. Apakah faktor yang mendorong Haji terlibat dengan pekerjaan lain?
33. Boleh jelaskan serba sedikit?
34. Haji terlibat dengan pelbagai kerjaya, bagaimanakah Haji membahagikan waktu ?
35. Bagaimanakah Haji boleh menceburi bidang kartunis?
36. Tahun berapakah Haji mula menceburi bidang ini?
37. Adakah Haji terlibat dalam bidang ini kerana minat?
38. Bagaimanakah Haji boleh berminat dengan kerjaya sebagai seorang kartunis?
39. Apakah faktor-faktor yang mendorong Haji untuk menceburi bidang ini ?
40. Adakah Haji menjalani latihan khusus untuk bidang ini?

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

41. Berapa lama? (jika ada)
42. Boleh ceritakan serba sedikit pengalaman Haji ketika itu?
43. Apakah perasaan Haji sewaktu mula-mula menceburi bidang ini ?
44. Saya ada membaca beberapa karya Haji, kebanyakan karya berkait dengan peperangan dan politik?. Adakah Haji memang menghasilkan karya berkait dengan peperangan dan politik sahaja?
45. Apakah karya Haji yang pertama dihasilkan?
46. Bagaimanakah ia dihasilkan?
47. Adakah karya-karya yang dihasilkan mempunyai teknik yang tersendiri, bolehkah Haji jelaskan?
48. Sebelum haji menghasilkan sesuatu karya ,adakah haji membuat sebarang kajian ataupun berdasarkan pengalaman haji sendiri?
49. Bolehkah Haji ceritakan karya-karya besar yang dihasilkan?
50. Bagaimanakah Haji mendapat ilham atau idea dalam menghasilkan karya-karya?
51. Boleh Haji jelaskan karya yang sangat memberi kesan kepada Haji?
52. Adakah karya Haji diterbitkan atau sekadar koleksi peribadi?
53. Bolehkah Haji jelaskan?
54. Ceritakan serba sedikit tentang karya yang Haji keluarkan?
55. Bolehkah Haji menceritakan harga atau nilai setiap karya yang dihasilkan?
56. Bagaimanakah Haji menentukan nilai itu?
57. Siapakah idola ataupun guru Haji dalam bidang ini?
58. Mengapa dan bagaimana?
59. Apakah cabaran-cabaran yang Haji tempuhi ketika di awal penglibatan Haji sebagai seorang kartunis?
60. Jika nak dibandingkan dengan sekarang, ada tak terdapat perbezaan yang ketara semasa pekhidmatan Haji sekarang berbanding yang dulu?
61. Dari segi apa?
62. Adakah haji menerima mana-mana bantuan ataupun tajaan untuk mengkomersialkan karya haji?
63. Pernah tak Haji diarahkan untuk bertugas di luar kawasan seperti di luar negara?
64. Di mana?

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

65. Sudah berapa lama Haji berkhidmat sebagai kartunis di tempat ini?
66. Boleh Haji ceritakan perbezaan kartunis pada zaman dahulu dan sekarang?
67. Adakah Haji pernah terlibat dalam mana-mana aktiviti kemasyarakatan ?
68. Adakah Haji pernah dihantar ke mana-mana untuk menyertai sebarang program dan kursus?
69. Apakah erti perkataan 'kartunis' pada pandangan Haji?
70. Profesion sebagai seorang kartunis dikatakan sangat kreatif dan mempunyai idea yang menarik. Adakah untuk menjadi seorang kartunis harus mempunyai bakat tersebut?
71. Bolehkah seseorang itu belajar untuk menjadi seorang kartunis tanpa ada bakat tertentu?
72. Apakah pendapat Haji tentang ini?
73. Adakah Haji rasa kerjaya sebagai kartunis pada masa sekarang adalah lebih mencabar?
74. Apakah kriteria dan aspek-aspek penting yang perlu ada pada seorang kartunis untuk bergelar seorang kartunis yang berjaya?
75. Apakah kenangan manis dan pahit Haji sepanjang menjadi seorang kartunis?
76. Pada pandangan Haji, adakah Haji rasa kartunis pada zaman sekarang lebih beruntung kerana telah disediakan dengan pelbagai kemudahan dan keistimewaan berbanding kartunis pada zaman terdahulu?

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

BAHAGIAN C

Pengalaman dan Sumbangan (bidang kartunis)

77. Adakah Haji pernah menjawat sebarang jawatan penting sepanjang berada dalam bidang ini?
78. Adakah karya Haji pernah dipamerkan,?
79. Dimana?
80. Di antara karya yang dihasilkan adakah terdapat karya yang bernilai ataupun mempunyai keunikan sendiri?
81. Apakah anugerah-anugerah yang pernah Haji terima?
82. Anugerah yang manakah yang paling memberi kesan kepada Haji ?
83. Bagaimanakah karya-karya Haji memberi kesan kepada masyarakat dan generasi sekarang?
84. Apakah pendapat Haji tentang mutu kartunis sekarang dan apakah yang perlu dipertingkatkan lagi serta diperbaiki?
85. Apakah pendapat Haji tentang pengetahuan bidang kartunis di bandar dan di luar bandar atau pedalaman?
86. Apakah bidang ini sesuai dijadikan matapelajaran untuk memuhi permintaan pasaran masa kini dalam bidang kartunis?. Apakah pendapat Haji?
87. Pernahkah haji menyuarakan bidang kartunis ini menjadi salah satu mata pelajaran di mana-mana IPTA?
88. Institusi pengajian manakah yang Haji rasa sesuai?
89. Bolehkah bidang kartunis dijadikan sumber pendapatan kepada Malaysia? Bagaimana?.Apakah pendapat Haji?
90. Bagaimanakah jika bidang kartunis dipromosikan di peringkat antarabangsa?Apakah pendapat haji?
91. Pada pandangan Haji, bagaimana masa depan kerjaya sebagai seorang kartunis?
92. Nasihat Haji kepada kartunis sekarang?
93. Akhir sekali, apakah harapan Haji terhadap bidang kartunis di Malaysia?

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

4.0 LOG WAWANCARA

00.00.00-00.04.07	Latar belakang keluarga	<ul style="list-style-type: none">• Nama saya Haji Rosidi Semail. Asal Peringat, Kota Bharu Kelantan. Lahir pada 3/8/1948• Nama Ayah: Haji Semail Bin Awang .• Nama Ibu: Hajah Kalsom Binti Sulaiman.• Kedua orang tua telah meninggal dunia.
00.04.07-00.06.57	Latar belakang pendidikan	<ul style="list-style-type: none">• Tamat pengajian pada peringkat Diploma dalam bidang grafik• Aktif dalam Ko- kurikulum• Meminati subjek lukisan dan bahasa Malaysia
00.06.57-00.16.20	Kerjaya sebagai polis/penulis	<ul style="list-style-type: none">• PDRM• Pelukis

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

00.16.20- 00.50.13	Kerjaya sebagai Kartunis	<ul style="list-style-type: none"> • Politik dan peperangan merupakan dua isu yang sering menarik minat Rossem • Konstabel Jabit merupakan karya Rossem yang paling popular
00.50.13-01.08.10	Pengalaman dan sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> • Pernah menjawat jawatan Naib Presiden untuk Persatuan Kartunis Selangor dan Wilayah Persekutuan (Perkartun). • Beliau turut menyumbang kartunnya dalam antologi puisi bersama Leo AWS, Gurindam Purnama Gerhanadan Prolog Buat Penyair Kecil. Lukisan beliau turut menjadi hiasan kulit depan antologi puisi Leo AWS, Langit Dusunku

5.0 INDEKS

A

Arkib Negara,15

Asia Tenggara,18

B

Bangkok,19,23

Brunei,18

Batalion,5,10

D

Dato Lat,12,13,18,23

E

England,15,27

F

Filipina,18

H

Habuan Husin,23

I

Inggeris,15

Indonesia,18,28

J

Jepun,18,29

K

Konstabel,6

Kementerian Hal Ehwal Pengguna Malaysia,24

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

Kuala Lumpur,4,22

Kor,6

L

Lenggon,19

M

Melayu,2,27

Malaysia3,4

Manila,19

Muliyadi Mahmood,23,27

N

Nan,18

P

PHD,27

Panggung Wayang Soo,17

Perpustakaan Negara Malaysia,15,16

Persatuan Kartunis Selangor dan Wilayah Persekutuan (PEKARTUN),22

R

Rejabhad,11

Rashid Maidin,6

S

Singapore,12,19

Selangor,22

T

The Sun,14,24

IMR 604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

Tun Seri Lahnar,15

Tun Abdullah Badawi,14

U

UiTM,23,27

W

Wilayah Persekutuan,22

Z

Zuna,23

LAMPIRAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KELANTAN

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA Kelantan dengan H. ROSIDI SEMAIL (ROSSEM)

Pada 26 MEI 2013

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA Kelantan untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Kelantan akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Kelantan boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat:

Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh). Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.


Pengkisah (interviewee)

*Ketua Pusat Pengajian
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA Kelantan*

Rassem

KARTUN

Peranan dan Cabaran



KARTUN: PERANAN DAN CABARAN

Oleh Rossem

Pengenalan

Kartun boleh dianggap sebagai seni lukis representasi juga simbolik yang didalamnya termuat unsur-unsur sinis tetapi beraroma humor yang digarap begitu rupa bertujuan untuk menyindir, menegur atau mengingatkan masyarakat tentang sesuatu kepincangan yang berlaku, merangkumi bidang budaya, politik, ekonomi, sosial, pendidikan, sukan dan lain-lain.

John Mc. Cutcheon dalam autobiografinya *Draw From Memory* (1950) menyebutkan "*Kartun berbeza dengan gambar, Ideanya sangat penting. Tidak kira kartun itu bermaksud memberi penerangan, membetulkan atau semata-mata untuk menghibur. Idea perlu dibentangkan secara langsung untuk membezakan antara kartun dan karya seni. Ia banyak bergantung kepada kekuatan idea dan keunikan*".

Kartun dianggap istimewa kerana keupayaannya membuatkan pembaca ketawa lewat nilai humor yang dipaparkan. Malah, humor atau satira juga dianggap pembuluh darah sesebuah kartun. Namun bukan satu-satunya, Kerana keistimewaan kartun dapat dihayati lewat

banyak ciri.

Kartun bersifat reaksi dan komentar, bukan semata-mata merakam peristiwa. Isu-isu politik dan sosial dikupas, lalu interpretasi itu disokong dengan opini. Dalam konteks ini, kartunis seringkali melontarkan kesimpulan untuk renungan dengan harapan masyarakat pembaca akan melanjutkan perbincangan dan perbincangan tentang sesuatu yang menjadi isu tersebut. Namun tidak kurang juga kartunis hanya sekadar menghadirkan interpretasi melucukan sebagai bahan ketawa dan penggeli hati semata-mata.

Kartun suatu hasil karya yang unik. Oleh kerana keunikannya ia menjadi begitu dekat dengan masyarakat, kerana pengucapan bahasa tampaknya yang langsung dan mudah. Jika idea dan mesej di dalamnya pula kukuh, pembaca tentu tidak memandang remeh dan inilah faktor yang menjadikan seni kartun begitu berperanan dalam masyarakat. Seperti kata orang bijak: Sekeping gambar sama dengan seribu patah perkataan.

Diantara keistimewaan kartun, ia berupaya berkomunikasi dengan pantas, tepat dan padat, justeru, penyampaian maklumat jadi berkesan. Kartun juga boleh disesuaikan di mana-mana dan untuk siapa saja, kerana kartun berupaya berkomunikasi secara tersirat mahupun tersurat, secara terangan-terangan atau kiasan.

Kartun juga seperti bidang penulisan. Terdapat pelbagai corak, tema dan aliran. Kartun tanpa dialog berpegang kuat pada aksi dan ekspresi watak. Kartun seperti ini memerlukan daya kreativiti dan kemahiran melukis yang tinggi perlu ada dalam diri sang kartunis, untuk menghidupkan aksi wataknya agar boleh difahami. Sementara kartun berdialog tentu saja berhubung rapat dengan aspek bahasa. Di mana kombinasi diantara keduanya, yakni bahasa dan lakaran adalah penyumbang kepada kekuatan sesebuah kartun yang dihasilkan. Dalam hal ini, pemilihan bahasa amat penting. Tentunya yang ringkas tapi padat, yang panjang berjela-jelakan membosankan pembaca kerana konsep kartun itu sendiri adalah sebuah bicara yang ringkas dan pantas tapi cepat difahami.

Kartunis Lat (Datuk) pernah memberitahu: Sebuah kartun yang

berjaya hendaklah dihitung tiga detik. Satu, dua, tiga. Sekiranya hitungannya masuk ke empat, pembaca masih meraba-raba mencari makna dan maksud dari lakaran kartun yang dipaparkan. Maka kartun tersebut dianggap gagal. Begitu pantasnya pembaca berkomunikasi dengan kartun, seperti seseorang berdiri melihat sebuah keretapi express yang tersangat laju.

Karikatur

Sejarah karikatur ternyata berawal dari belahan daratan Eropah. Rintisannya telah dimulai sekitar abad KE 14 di Itali. Kata karikatur sendiri merupakan serapan dari bahasa Itali *caricatura* yang berarti melebih-lebihkan. Tujuannya, tentu saja untuk membuat seseorang atau suatu lembaga jadi bahan tertawaan masyarakat. Di England, karikatur kali pertama dimanfaatkan oleh Goerge Townshend (1724-1807) untuk mengejek lawan politiknya. Memasuki abad 16, cara-cara karikatur yang bertujuan menyerang lawan politik justeru kian melebar.

Karikatur sebenarnya dapat menyentuh tanpa menyakiti, mengkritik tanpa menghina, menyindir tanpa memusuhi, tertawa tanpa mentertawakan, dan jenaka tanpa melecehkan. Lebih lanjut, di dalam sebuah karikatur juga penting peranan wajah, kerana dalam wajah itulah, dapat digambarkan watak seseorang, cara-cara manusia itu dengan ciri-cirinya yang khas, ditonjolkan.

Sebuah kesalahan besar yang sering terjadi pada sebuah gambar karikatur misalnya, bila dalam membuat karikatur perseorangan atau pribadi (*personal caricature*), penggambaran watak dari objek yang ditampilkan sering tidak sesuai dengan kenyataannya. Seperti seorang koruptor, penipu, bahkan Banduan, apabila wajah yang dibuat tampak simpati, maka karikatur akan menjadi salah besar, sebaliknya bila orang bahkan masyarakat maupun suatu kaum memuja sesosok tokoh, lalu digambarkan tidak simpatik, maka seorang karikaturis membuat kesalahan yang sama besarnya (Augustin Sibarani, 2001).

Inilah kesalahan besar yang terjadi pada Jylland Posten, dengan memuat unsur distorsi dan deformasi bentuk karikatur yang tidak sesuai

dengan watak, ciri-ciri khas serta karakteristik atas objek yang digambarkan. Karikatur yang ditampilkan tersebut, tidak ada sama sekali mengandung unsur sebuah karikatur. Yang ada hanya suatu pelecehan, dengan menterbalikkan realiti yang tidak sesuai dengan fakta dari suatu objek yang ditampilkan, bahkan sangat jauh melencong dari realiti yang sebenarnya. Tindakan *Jylland Fasten* misalnya, dalam menerbitkan karikatur Nabi Muhammad SAW suatu masa dulu, dinilai telah melecehkan dunia perkarikaturan, meski permohonan maaf telah disampaikannya melalui pemerintah Denmark, yang pada awalnya menyembunyikan kesalahan dengan dalih "kebebasan media" yang dianut negaranya, namun letak kesalahan *Jylland Fasten* yang jauh lebih besar adalah dengan memuat gambar karikatur Nabi Muhammad SAW, yang jelas dilarang oleh agama Islam.

Dalam hal ini, catatan sejarah perkarikaturan di dunia telah tercoreng. Karikatur telah mengalami pelecehan oleh tangan-tangan yang tidak berkopetensi sebagai karikaturis, yang menggunakan media karikatur sebagai alat untuk mengekspresikan sebuah tindakan a-moral sebagai bentuk krisis toleransi global yang menimbulkan gejolak di tengah masyarakat dunia. Padahal menurut catatan sejarah, telah banyak perubahan atas suatu bangsa yang tidak terlepas dari peranan seorang karikaturis.

Gara-gara menghina agama, apa lagi nabi seorang kartunis asal Austria, Gerhard Haderer dihukum 6 bulan di penjara kalau dia datang ke Greek. Kerana buku kartunnya mengenai kehidupan Yesus (Nabi Isa) yang terjemahkan dan diterbitkan di sana, yang menggambarkan Yesus mengisap ganja bersama Jimi Hendrix, setelah dikomplain oleh Gereja Ortodok.

Pada abad ke-15 di Amerika, seorang karikaturis bernama Thomas Nast, bukan saja disegani tapi juga ditakuti oleh para pemimpin politik. Melalui karikturnya, ia membuat Cleveland dari Partai Republik kalah di dalam pemilihan oleh calon presiden dari Partai Demokrat, Blaine. Peristiwa inilah di dalam buku *History of American Graphic Humor* dicatat dalam sejarah Amerika sebagai "perang karikatur", serta kempen pilihan raya yang paling memalukan, menggelikan, juga paling sensasional

Peranan kartun, terutama karikatur amat penting bagi sesebuah akhbar. Akhbar-akhbar besar tidak pernah menepikan kartun bahkan meletakkannya dihalaman utama, Kartun editorial tidak terpisah dengan laman editor (Rencana pengarang). Topiknya didasarkan kepada isu-isu semasa menurut kaca mata karikaturis, selalunya berkisar tentang apa yang ditulis oleh editor lewat kolumnya.

Sejarah

Kartun editorial mula disiarkan dalam akhbar-akhbar Melayu di Malaysia (ketika itu Malaya) sekitar 1930-an. Antara akhbar utama prakemerdekaan itu ialah *Warta Jenaka*, *Utusan Zaman* dan *Majlis*. Manakala di era pasca kemerdekaan pula, ia berkembang dalam akhbar-akhbar lain seperti *Berita Harian*, *Berita Minggu*, *Utusan Malaysia* dan *Mingguan Malaysia*. Tema kartun-kartun editorial prakemerdekaan selalunya berkisar tentang perjuangan menuntut kemerdekaan, selaras dengan dasar-dasar akhbar yang berusaha membangkitkan kesedaran bangsa dan memperjuangkan hak serta masa depan orang Melayu. Selain itu terdapat kartun yang digarap semata-mata untuk mengkritik sikap segelintir orang-orang Melayu yang terpengaruh dengan Barat.

Misalnya, kartun Abd. Manan "Barat tinggal di Barat, Timur tinggal di Timur" (*Warta Jenaka* – 7 September 1936) yang bermaksud, kesan koloni Inggeris ke atas orang Melayu sangat ketara, sehingga ada orang-orang Melayu yang meninggalkan budaya Melayu dan beralih kepada budaya Barat kerana menurutnya, gaya hidup Barat lebih menarik. Lewat lakaran itu, dilukis sepasang moyet berpakaian Barat sebagai simbol Melayu kebaratan. Sinis seperti itu, bukan saja lewat kartun malah para penulis seperti Ishak Haji Muhammad (Pak Sako) telah mengkritik masyarakat dalam novelnya yang tersohor, *Putera Gunong Tahan* (1938).

Kartunis Ali Sanat (*Utusan Zaman*-1940) melakar watak "Wak Ketuk". Watak seorang tua Melayu yang resah gelisah melihat ramai dikalangan wanita-wanita Melayu yang memuja dan mengagungkan Barat. Apa saja yang datang dari Barat (Inggeris) dituruti tanpa

agurmentasi. Selain dari itu, Wak Ketuk banyak menyindir sikap buruk Melayu kacukan (Melayu Arab) yang terlalu megah dengan materialistik. Kartun-kartun Ali Sanat selalunya diberi nafas oleh Rahim Kajai sebagai penyumbang idea, beliau hanya sebagai pengilustrasinya.

Pasca kemerdekaan, kartun-kartun editorial agak malap. Tiada kartun-kartun seumpamanya dimuat dalam akhbar. Meskipun genre ini telah lahir sejak 1930-an lagi. Yang terdapat hanya kartun-kartun lerang. Terutama oleh kartunis luar negara yang dipetik dari sumber agensi. Sedikit sekali penglibatan oleh kartunis lokal.

Hanya mulai 1980, kartun editorial muncul kembali secara tetap dalam akhbar-akhbar Melayu menerusi karya-karya Lat, Nan, Rossem, Zoy dan Zunar. Dalam akhbar New Straits Times, Lat memulakan siri kartun kebudayaan yang kemudiannya bertukar imej menjadi kartun editorial dalam ruangan *Scenes of Malaysian Life* (1975). Langkah NST mewujudkan kartun editorial itu diikuti pula oleh akhbar Mingguan Malaysia dengan mengemukakan Nan sebagai kartunis menerusi ruangan Malaysia kita (1978).

Akhbar Berita Harian yang mula diterbitkan pada 1 Julai 1957, adalah akhbar yang paling banyak mempromosikan kartun dan komik sebagai tarikan utama pembaca. Mat Jambul (Karya Allahyaraham Raja Hamzah) dan Lat (Keluarga Si Mamat- 1968) merupakan kartun awal dan ternyata banyak menyumbang kepada peningkatan populariti akhbar tersebut. Kartun-kartun yang digarap bertemakan kekuargaan. Di samping kartunis tempatan, Berita Harian juga mengambil kartun luar negara, diantara yang paling popular ialah kartun lereng dan tanpa dialog, Tok Misai, karya Rousen. Salah satu wakak kartun yang paling saya minati ketika itu. Mungkin nama saya juga berilham dari nama kartunis tersebut.

Tahun 1966 menyaksikan kemunculan barisan kartunis baru akhbar Utusan Zaman. Nama-mana seperti Razali MHO (Rizalman), Rejabhad (Allahyaraham), Mishar dan Shukur Lin. Karya-karya mereka agak berbeza. Rejabhad dan Mishar lebih gemar kepada isu-isu sosial dan pendidikan, sementara Razali MHO dan Shukur Lin lebih menyentuh isu-isu politik lokal dan internasional

Dalam akhbar Melayu, kartun editorial Cuma muncul kembali pada sekitar tahun 1980-an iaitu menerusi karya-karya Nan serta Rossem dalam Utusan Malaysia, Zoy dan Zunar dalam Berita Harian dan Berita Minggu. Karya mereka merupakan permulaan suatu fasa baru dalam perkembangan kartun editorial Melayu.

Di samping Nan, ruangan kartun akhbar Utusan Malaysia pada tahun-tahun 1980-an turut diperkukuhkan oleh kartun editorial Rossem dalam ruangan "Panorama" yang mengupas pelbagai isu lokal dan global. Pada tahun 1993, Rossem menjadi kartunis editorial akhbar tabloid berbahasa Inggeris yang baru diterbitkan iaitu *The Sun*.

Karya-karya Rossem kelihatan lebih simbolik dan halus jika dibanding dengan sebelumnya. Mengupas pelbagai isu semasa yang hangat diperkata ketika itu, dari pebersihan etnik di Bosnia (1994) hingga kepada penbantaian Zionis Yahudi ke atas warga Palestin. Keruntuhan empayar Soviet dan lain-lain lagi. Tidak ketinggalan. Rossem juga melakar pemimpin-pemimpin negara, menteri-menteri kabinet atau ketua-ketua masyarakat dan pertubuhan, bila isu-isu mengenainya hangat diperkatakan. Seingat saya, tidak kurang dari 100 lakaran kartun mengenai Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad dikartun atau dikarikaturkan. Tiada seorang pun Menteri Kabinet ketika itu yang tetinggal, semuanya menjadi "mangsa" karikatur saya. Karya-karya satira itu dimuat dalam akhbar *The Sun*- Tempat saya bekerja.

Kartun editorial yang tersiar dalam akhbar *The Sun* digarap tanpa menggunakan dialog. Memadai dengan menampilkan aksi dan latar belakang. Pembaca boleh dapat menangkap maksud kartun atau karikatur yang dipersembahkan. Dan ternyata, *style* kartun seperti ini digemari pembaca kerana ianya ringkas dan mudah difahami, selain sarat dengan makna. Sebenarnya, menghasilkan kartun seumpama ini jauh lebih susah dan rumit daripada menghasilkan kartun-kartun yang dilengkapi dialog. Tapi saya berkerja keras untuk menghasilkan dan mengekalkan *style* seperti itu, tanpa jemu. Sebab-sebab lain tentunya kerana saya sendiri kurang menguasai bahasa Inggeris. Sebuah kamus Inggeris - Melayu, menjadi teman setia sehingga beberapa helai lembarannya koyak dan cerai berai.

Tahun 1980-an juga menyaksikan kemunculan kartunis prolifik Zunar menerusi kartun-kartun editorial tajam dalam Berita Harian, Berita Minggu dan New Straits Times. Zunar memulakan profesionnya sebagai kartunis dalam majalah Gila-Gila (1983). Setelah tsunami reformasi melanda negara pada 1998, tema kartun Zunar beralih kepada "mengkritik kerajaan" yang dipimpin oleh Dr. Mahathir Mohamad. Menyokong pembangkang. Justeru, Karya beliau tidak lagi dimuatkan dalam akhbar Berita Harian, tapi berhijrah kepada tabloid Harakah, lidah rasmi PAS, hingga sekarang.

Sewaktu Perang Teluk – antara Iraq dengan Amerika memuncak. Semangat menyokong Iraq dikalangan rakyat Malaysia begitu tinggi. Dari orang dewasa hingga kanak-kanak, rata-rata menganggap serangan oleh kuasa besar Amerika ke atas Iraq sesuatu yang tidak wajar. Sentimen membenci Amerika ketika itu sangat membara, termasuk juga saya. Sebagai kartunis, medan untuk meluahkan perasaan, satu-satunya adalah lewat lakaran di lembaran akhbar.


Muka depan akhbar Utusan Malaysia 16 Januari 1991 iaitu hari pertama meletusnya peperangan- memuatkan kartun saya yang diberi judul "*Teluk hari ini – Jam 1.00 Tengah Hari!*". Itulah kartun politik saya yang pertama dimuat pada muka depan sebuah surat khabar popular tempatan. Kemudian karya-karya saya yang berkisar tentang tema yang sama yakni peperangan, dimuat di muka surat dua, tiga atau empat berbulan-bulan lamanya, sehingga tamat peperangan dan isu hangat itu kembali sejuk.

Menariknya, kartun-kartun mengenai peperangan Teluk itu. lebih-lebih lagi kerana pendirian saya menyokong Iraq, telah mengundang kontroversi di peringkat internasional. Karya saya rupanya "diperhatikan" oleh pihak Amerika dan sekutunya rapatnya Arab Saudi. Pemerintah negara Saud itu lalu menghantar seorang wakil menemui saya lewat kedutaan negara tersebut. Pertemuan di sebuah hotel lima bintang berlangsung dalam suasana santai tapi penuh tanda tanya.

Akhirnya, saya dimita supaya menghentikan mengarang kartun-kartun yang dianggap menyokong Iraq dan melecehkan Pasukan Bersekutu yang dikenali Amerika Dengan menawarkan honorarium

amat lumayan, andainya saya menghentikan menyokong Iraq dan melukis pula kartun menyokong Amerika. Saya menolak. Berkartun juga harus punya prinsip. Biarlah "professional" itu melebihi segalanya.

Saya mula menjadi kartunis sepenuh masa, bila berkerja dengan akhbar *The Sun*, yang berpejabat di Jalan 222, Petaling Jaya, Selangor, pada 1 Ogos 1993. En Samad Mahadi, mantan Penolong Pengarang Utusan Melayu (Ketika Zam sebagai Ketua Pengarang) yang ketika itu sebagai Editor Perunding akhbar *The Sun* menerima saya berkerja dengan jawatan sebagai Kartunis Editorial. En Samad sebenarnya sudah akrab dengan lakaran saya, kerana kartun –kartun saya sebelumnya, sudah lama dimuat dalam akhbar dan majalah terbitan Utusan Melayu.



Di *The Sun*, saya melakar kartun setiap hari, isu-isu politik menjadi fokus utama, disamping kritikan sosial, kartun sukan, kartun lereng dan kartun ilustrasi. Kartun politik pertama di akhbar berbahasa Inggeris tersebut ialah: Menteri-menteri kanan berbaris untuk mendapatkan borang jawatan Perdana Menteri dari PM ketika itu, iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad. Dalam *queue* tersebut, Datuk Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi berada di nombor tiga. Dan ternyata, beliau kini berjaya mendapat jawatan tersebut, manakala yang pertama dan kedua, iaitu Tun Ghafar Baba dan Datuk Seri Anwar Ibrahim gagal merebut jawatan yang menjadi idaman ramai tokoh politik.

Selama sembilan tahun di akhbar *The Sun* (1993 – 2002), tidak tertinggal, walau seorang menteri atau timbalan menteri pun yang tidak saya kartunkan. Malah, diantaranya saya melakarkan hingga berpuluh-puluh kali terutama Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri atau tokoh-tokoh politik lain yang selalu menimbulkan isu panas.

Selama sembilan tahun itu, saya menghasilkan lebih daripada tiga ribu keping kartun berbahasa Inggeris dalam pelbagai genre. Selepas dimuat dalam akhbar, karya asal itu menjadi bahan koleksi. Kemudian sejumlah seribu lima ratus daripada keseluruhan karya tersebut telah saya serahkan kepada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Kuala Lumpur, sebagai khazanah negara. Pihak PNM membayar sebanyak RM89 ribu. Suatu jumlah yang pada awalnya saya tidak menjangka sama sekali.

Menurut pegawai PNM, Kartun-kartun tersebut sarat dengan makna dan punya nilai sejarah yang berguna. Mungkin pada hari ini, kartun yang tampilkan kurang tampak nilai sejarahnya, tetapi 20 tahun atau 50 tahun akan datang, generasi ketika itu, bila mahu melihat sejarah tanah air, memadai dengan menatap kartun. Kerana kartun merupakan rakaman semasa mengenai sesuatu kejadian atau isu – isu menarik. Dan sejumlah besar karya saya merupakan rakaman aktual kehidupan sosio-budaya dan politik tanah air. Seperti halnya dengan kartun Lat. Seorang Jepun berkomentar: Untuk memahami budaya Malaysia, tidak perlu membaca buku-buku mengenainya, cukup hanya melihat kartun-kartun seperti *Kampung Boy*, *Sence Of Malaysian Life* dan sehaainva. kerana Lat menaarap sosio- budava dan cara hidup

rakyat Malaysia lewat karyannya.

Kartunis seperti juga wartawan, bekerja dan berperanan dengan mencatat peristiwa, menampilkan hubungan-hubungan peristiwa dan mengemukakan interpretasi dan makna. Tetapi di Malaysia, segelintir khalayak menganggap, karya kartun tidak lebih sebagai bahan hiburan kosong, yang hanya sekadar mengajak orang ketawa, kemudian berlalu begitu saja. Walhal, kartun terutama kartun politik memiliki ketajaman mata pisau, siap melukai sesiapa saja, sehingga bukan sedikit tokoh politik yang merasai kepedihannya, manakala pelukis pula kerap kali mendapat teguran malah ancaman. Semasa berkarya di *The Sun*, sering menerima telefon dan surat ugutan dari pembaca, yang kononnya tidak puas hati dengan cara sindiran saya, terdapat unsur-unsur menyinggung sesuatu kaum, politik atau individu. Demikian menurut pandangan mereka. Hal ini tidak dapat dinafikan, terutama di era reformasi – 1998. “Darah” cepat naik. Perkara remeh pun boleh melompat jadi sensitif.

Ada pula orang bertanya. Bagaimana anda mendapat ilham melakar kartun. Mungkin khalayak melihat, kekerapan saya menghasilkan kartun sangat menghairankan. kadang-kadang sampai dua atau tiga keping dalam satu hari. Sebenarnya, tidak aneh! Informasi itu selalu datang bertumpuk; peristiwa penting baik lokal mahupun internasional muncul di permukaan dan kemudian menghilang dengan cepat. Di sinilah kecermatan dan kecepatan berfikir seseorang karikaturis media massa diuji. Ia harus boleh menangkap informasi-informasi tersebut, seperti burung udang menyambar ikan di permukaan air. Kemudian memilih-milih nilainya untuk menentukan mana yang perlu dikomentari. Tentu semua itu diwujudkan dalam bentuk rupa yang khas dan kata yang cerdas.

Dunia kartun saya bermula pada 1968. Ia bertolak dari keinginan untuk mencuba melakar kartun selepas melihat kartun-kartun yang disiarkan dalam halaman “Mari Ketawa” Majalah. Filem yang terbit pada setiap bulan. Hampir tidak pernah ketinggalan saya membeli majalah tersebut. Tarikan kartunnya seperti *magnic* dengan besi. Diantara kartunis yang karyanya sering terpilih menghiasi laman kelakar itu ialah, Lat, Rejhad, Mishar, Rizalman (Razali MHO), A. Shukur Lin, Wahidi, Ade,

Mohd. Radi Hanif, Ismail Rai, Shahry dan lain-lain. Karya Lat adalah diantara yang paling diminati ketika itu, sehingga gaya lukisannya menjadi ikutan saya pada peringkat awalnya, sebelum ketemu identiti sendiri beberapa tahun kemudian.

Memulakan karya melukis kartun dari kampung sangat sukar. Tanpa teman yang membantu menunjuk ajar, sehingga untuk pemilihan kertas, pen atau dakwat yang sesuai pun tiada siapa untuk dirujuk. Meraba-raba dalam gelap. Sehingga suatu hari terfikir untuk menulis surat kepada kartunis Rejabhad, seorang tentera berpangkat koperal di kem Sungai Besi, Kuala Lumpur. Respons dari kartunis yang sudah lama tersohor itu sangat memberangsangkan. Beliau seorang yang tidak kedekut dengan ilmu. Banyak hal-hal yang saya tidak mengetahuinya telah diperincikan oleh beliau. Kami sering berkoresponden - mengirim lakaran kartun masing-masing untuk diteliti tentang bagaimana sebuah kartun itu dihasilkan. Untuk tujuan itu, adakalanya beliau mengirim kartun *original* kepada saya. Dari situ saya dapat mengetahui, bagaimana ia dihasilkan. Kartun-kartun yang saya kirim kepada beliau pula, dibalas segera, bersama dengan komentar sekali. Itulah pembelajaran awal saya dalam bidang kartun.

Media yang menampung karya kartun ketika itu tidak jenuh seperti hari ini. Akhbar *Utusan Melayu*, *Utusan Malaysia* atau *Berita Harian* mengutamakan kartun dan komik dari kartunis yang sudah menempa nama seperti Rejabhad, Mishar, Lat dan Raja Hamzah, disamping kartun-kartun import daripada luar negara. Kartunis baru seperti saya tidak mendapat tempat. Saya sedar, pihak akhbar tidak dapat menerima kartun saya disebabkan kualitinya belum mencapai piawaan yang sepatutnya. Pernah saya membawa berpuluh-puluh keping lakaran kartun berjumpa sendiri dengan editor *Utusan Malaysia* ketika itu, iaitu Zainudin Maidin (Zam) melalui Pengarah Kreatif, Abdul Shukur Lin (Allahyaraham). Selepas diteliti, secara spontan Zam memberi pandangan : Awak kena buat lebih banyak lagi. Saya faham, itu sebenarnya "bahasa" *reject*.

Bukan *Utusan Melayu* saja, malah *Berita Harian* juga saya menerima jawapan yang hambar, bila setiap kali saya membawa seberkas lakaran kartun kepada editor, dengan harapan agar diterima dan disiarkan dalam akhbar-akhbar popular itu, namun tidak berjaya

menembusi tembok penilai antara pengkarya dan penerbit. Namun sekali-kali saya tidak merasa kecewa bila sang editor menolak. Saya terus berusaha dengan lebih gigih, cuba memahami kesalahan dan memperbaiki kelemahan. Diantara kelemahan dikenalpasti paling ketara ialah mesej yang mahu di ketengahkan kurang menarik. Gaya dialog yang tidak tampan, selain aspek lukisan yang masih lemah.

Kartunis pada era 60 dan 70an seharusnya terhutang budi kepada *Majalah Filem*, kerana majalah tersebut, lewat ruangan "Mari Ketawa" memuatkan kartun-kartun yang dikirim oleh pembaca. Dua muka surat disediakan pihak editor untuk para kartunis "bakat baru" mengasah bakat masing-masing. Setiap kartun yang disiarkan, kartunis diberi dua tiket wayang gambar percuma untuk tontonan di semua pawagan *Show Brothers* di seluruh Malaysia. Tiada honorium berupa wang ringgit disediakan, namun kartunis ketika itu berpuas hati dan berbangga dengan pemberian saguhati tersebut.

Kartunis popular seperti, Lat, Rejadhad, juga lahir dari rahim "Mari Ketawa" *Majalah Filem*. Justeru, peranan *Majalah Filem* terbitan Singapura itu sangat besar dalam senario perkembangan kartun nasional. Sebahagiannya telah menjadi ikon penting dunia perkartunan Malaysia, seperti Lat dan Allahyaraham Rejadhad. Sederet panjang para kartunis "Mari Ketawa" *Majalah Filem* tidak lagi meneruskan aktiviti melukis kartun, mereka melucutkan senjata pennya dan pencen, sebaik saja *Majalah Filem* berkubur. Saya sangat sedih!. Yang masih meneruskan perjuangan, diantaranya Lat dan Rossem. Manakala Rejadhad, Raja Hamzah, Tity Zamrud sudah meninggal dunia.

Era Gila-Gila

Kartunis generasi selepas saya memulakan kerjar mereka di *Majalah Gila-Gila* yang diterbitkan pada 1998 oleh beberapa kartunis terkenal ketika itu seperti Jafaar Taib, Mishar, Zainal Buang Husain dan Azman Yusof. Diantara kartunis awal yang menyumbangkan karya mereka ialah Raz, Imuda, Alim, Zamri Abu, Don, Tazidi selain daripada Rejadhad, Rossem dan Don. Sebelum kelahiran *Gila-Gila*, sekumpulan kartunis iaitu Rejadhad, Razali MHO, Rosdin telah menubuhkan sebuah

syarikat penerbitan, bertujuan untuk menerbitkan sendiri majalah komik dan kartun. Majalah *Bambino* dianggap sebagai pelopor majalah komik dan kartun Malaysia di era pasca merdeka. Saya menyumbang sebuah kartun bersiri yang digemari ramai dengan judul, Pak Adil. Watak seorang tua yang selalu bernasib malang.

Karya kartun saya mula diterima oleh akhbar *Utusan Malaysia* pada 1978. Ketika itu revolusi kartun tengah memuncak. Akhbar berlumba-lumba merekrut kartunis, sehingga serba salah bagi kartunis untuk memilih: samada berkartun di *Utusan Malaysia* atau *Berita Harian*. Saya memilih *Utusan Malaysia* dengan sebab-sebab tertentu. Ketika itu pengarah Kreatif UM, Haji Hassan Yusof.

Oleh kerana saya seorang anggota polis, maka disarankan melukis kartun watak polis. Saya bersetuju, memandangkan sebelum ini belum ada watak polis dikartunkan dan disiarkan dalam akhbar. Yang ada ialah Prebet Dabus: Watak seorang askar karya Rejadhad. Saya memilih nama Konstabel Jabit dan tidak menyangka, rupanya watak itu diminati ramai sehingga usianya mampu bertahan selama 15 tahun. Hari ini, bila menyebut Konstabel Jabit, orang masih mengingatnya terutama generasi era 80-an dan 90-an. Saya sendiri yang memberhentikan kartun tersebut bila saya mula bekerja dengan akhbar *The Sun*.

Kartunis *The Sun*

Semasa bertugas di *The Sun*, selain daripada berkartun, jika ada sesuatu keperluan yang berkehendakkan lakaran seseorang untuk dimuatkan dalam akhbar seperti perbicaraan di mahkamah, saya terpaksa juga melakukannya kerana prosedur mahkamah tidak mengizinkan jurugambar memotret orang kena tuduh yang sedang dibicarakan.

Pada 1998, hari pertama sesi perbicaraan Datuk Seri Anwar Ibrahim, Mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia, di mahkamah Persekutuan, Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur, saya ditugaskan oleh editor *The Sun* untuk masuk melakar Anwar Ibrahim. Hari itu galeri mahkamah penuh sesak dengan orang ramai termasuk pemerhati luar negara. Hanya orang-orang tertentu saja diizinkan masuk

Manakala wartawan pula, hanya seorang dibenarkan bagi setiap akhbar. *The Sun* sudah diwakili seorang wartawan, justeru peluang untuk saya masuk sangat tipis.

Tapi dengan inisiatif yang pelbagai, termasuk melobi seorang pegawai polis mahkamah, kebetulan dia pula mengenai nama saya (kartunis), lalu dibenarkan masuk dan berjaya melakar Anwar sedang berada dalam kandang orang salah, selain dari Anwar, sempat melukis saksi pertama perbicaraan - seorang pegawai polis sedang memberi keterangan.

Lakaran tersebut (pegawai polis memberi keterangan) mendapat pujian yang tidak terhingga daripada editor *The Sun*, kerana satu-satunya akhbar di Malaysia yang berjaya melakar situasi dan kondisi dalam mahkamah, saat perbicaraan yang bersejarah dan mendapat perhatian seluruh dunia hanya akhbar *The Sun*. Televisyen Australia, dalam program beritanya telah menyiarkan lakaran karya saya yang dipetik daripada akhbar *The Sun*. Demikian telah diberitahukan kepada saya oleh editor *The Sun*, Chong Cheng Lai, sambil memuji, tapi dalam nada kehairan: "Bagaimana anda boleh masuk ke dalam galeri mahkamah tanpa ada pas izin masuk. Sedangkan ribuan orang ramai berkumpul di luar mahkamah untuk mencuri masuk tapi gagal total, kawalannya ketat sekali". Surat "tahniah" daripada editor kemudiannya ditampal di papan kenyataan di pejabat dalam *The Sun*. Terasa dihargai, kerana bukan mudah untuk mendapat pengiktirafan seperti itu dalam sesebuah intitusi akhbar.

Selain melakar tokoh politik kontroversi seperti Anwar Ibrahim, sosok lain juga saya lakar. Seperti Mona Fenday, Fandy dan Juraimi semasa sesi perbicaraan di mahkamah Temerloh, Pahang dan seorang perogol ganas dari Jepun yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur.

Komik Agama

Saya meminati kartun (komik) yang berunsur agama. Yang menekankan tentang pendidikan dan pengetahuan agama untuk

khalayak pembaca khususnya remaja, kerana selama ini, sangat sukar untuk mendapatkan komik-komik seperti itu dalam pasaran. Mungkin lantaran usia saya yang semakin meningkat, maka terfikirilah; inilah sumbangan yang seharusnya saya buat demi mendapat reda Allah SWT.

Komik *Menuju Jalan Allah* (MJA), adaptasi dari karya Drs. Haji Gazali Dunia, seorang tokoh pendidik Islam dari Indonesia yang tersohor. Karya asal berupa buku karangannya, memuatkan huraian secara popular, juga merupakan *selekta* kuliah mingguan beliau kepada para pemuda di Masjid Gunung Sahari. Di samping di tokok tambah dengan bahan-bahan dialog dengan murid-murid SMA Budiutomo selama beliau menjadi guru dan pemimpin sekolah tersebut.

Dialog berupa pertanyaan dan jawapan dari murid kepada sang guru, berkisar tentang rukun penting dalam Islam, Yakni Rukun Iman (6 perkara). Soalan dan jawapan itu kemudiannya saya olah dalam bentuk sebuah lakaran kartun yang menarik dan wanra warni. Agar ianya menjadi tarikan kepada pembaca. MJA diterbitkan oleh Synergymate Sdn Bhd (2002).

Kemudian menyusul pula buku kedua, berjudul *Mengenal Allah* (MA). Konsepnya hampir sama dengan MJA, Cuma kali ini berbicara tentang persoalan yang lebih "mendalam" mengenai Islam iaitu tauhid-sifat dua puluh. Sepanjang yang diketahui, tiada buku komik yang menghurai secara detil tentang sifat-sifat Allah Swt, kecuali buku kartun *Mengenal Allah*. MA Juga diterbitkan oleh penerbitan yang sama, Synergymate Sdn Bhd, di mana Ustaz Abdul Rahman Rukaini sebagai pengarah urausan sekaligus tuan punya syarikat tersebut.

Sebelumnya, sekitar tahun 80an dan 90an, beberapa komik kartun Islam sudah saya hasilkan. Ia diterbitkan oleh beberapa syarikat penerbitan terkenal di Kuala Lumpur. Antara judulnya, *Jenaka Sufi*. Sebanyak tiga tajuk buku *jenaka sufi*, setiap satu setebal 100 muka surat beredar di pasaran. Buku tersebut memuat anekedok-anekedok sufi yang disaring daripada kita-kitab sufi terkenal dikalangan tokoh-tokoh sufi di zaman silam seperti Mullah Nasaruddin Afendy, Saadi dan sederet panjang lagi.

Bicara lisan atau karektur sang sufi sebenarnya sarat dengan makna, di dalamnya ada unsur-unsur humor yang menggelikan hati, kerana ulama-ulama sufi itu sendiri sering mengajar murid-muridnya lewat sindiran tajam macam mata pisau, agar murid-muridnya cerdas. Malah itu adalah sebahagian daripada latihan kerohanian yang efektif di kalangan kelompok ini.

Namun bagi orang awam, ungkapan atau tingkahlaku sang sufi merupakan sesuatu yang sangat asing. Dunia orang awam seolah ditirai oleh tembok kukuh, sehingga tiada peluang menjengok dunia mereka yang hampir dengan Allah SWT. Dengan hadirnya Jenaka Sufi dalam bentuk kartun, maka jurang yang memisahkan antara keduanya bertambah dekat dan yang lebih penting khalayak pembaca dari kalangan orang awam dapat memahami karektur orang sufi dengan secara santai dan menyeronokkan, selain menangkap manfaat darinya. Buku *Jenaka Sufi* mendapat sambutan yang mengalakkan. Ramai peminat sufi tanah air merespon dan membelinya.

Selain itu, ada banyak sebab; kenapa saya mengutamakan melakar kartun yang bertema agama. Saya sedar, kartunis lewat karya-karyanya mempunyai peranannya yang tersendiri bagi menyampaikan mesej atau pesan-pesan tertentu kepada masyarakat terutama kelompok remaja. Memandangkan sebahagian besar peminat seni kartun terdiri daripada remaja, maka kesempatan itu sewajarnya direbut dan dimanfaatkan sebaik mungkin oleh para kartunis.

Di negara kita, pelbagai jenis majalah kartun yang diimport dari luar negara, seperti Hong Kong, Jepun, Taiwan atau Amerika, begitu hebat membanjiri pasaran. Sudah tentu pula kandungannya amat bertentangan dengan budaya masyarakat kita. Lebih dahsyat lagi, terdapat unsur-unsur yang boleh meracuni pemikiran malah menjejaskan akidah umat Islam. Namun sememangnya saya sedar akan kekerdilan saya, apa yang dilakukan ini amat sukar, tsunami kartun-kartun luar negara menerjah Malaysia sangat rakus sekali. Mereka mencetaknya dalam jumlah naskah yang banyak dan jual dengan harga murah. Sedangkan kartun yang bernafas Islam, bilangan naskahnya sedikit dan harga jualan mahal.

Sebagai seorang kartunis yang diberi kesedaran, bahawa di alam akhirat besok akan disoal satu persatu, apa yang dilakukan selama hidup di dunia dahulu: Apakah anda pernah mengajak orang berbuat ma'aruf dan melarang mungkar. Apakah anda pernah memberitahu kepada masyarakat akan kebenaran Islam, sedangkan kamu diberi sedikit kebolehan melukis. Kenapa kamu tidak pergunakan saluran itu untuk memberitahu orang ramai akan Keesaan Allah Yang Maha Agung?

Kerana takut akan soalan tersebut maka saya jadi tertarik melakar kartun dan komik yang mengajak manusia mendekati diri dengan Yang Maha Pencipta. Selain daripada kartun komik yang disebut itu, sebuah lagi komik Islam dihasilkan berjudul *Mencari Kebenaran- Dialog Islam Kristian* (MK-DIK). Memuatkan dialog perbincangan antara seorang ulama Islam dengan seorang penganut Kristian Katolik. Buku komik setebal 100 muka surat ini juga adaptasi daripada buku *Dialog Islam- Kristian*, karangan Kyai Haji Baharuddin dari Indonesia. MK-DIK diterbitkan pada tahun 2000 oleh Persatuan Ulama Malaysia, ketika itu dipimpin oleh Ustaz Mohamad Awang.

Jumlah cetakannya mencecah lapan puluh ribu naskah dan dijual dengan harga hanya RM3.00, dipasaran terbuka, di masjid dan di tempat-tempat ceramah politik. Saya kira buku yang paling murah pernah di jual ketika itu. Maka tidak hairanlah ia mendapat sambutan mengalakkan dari orang ramai dan sekarang (2007) ia diulang cetak, malah sudah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris. Kini naskah bahasa Inggeris itu sedang beredar di pasaran.

MK-DIK menimbulkan kontroversi banyak pihak. Sebaik saja ia diedarkan di pasaran, saya menerima sepucuk surat berupa salinan yang dikirim kepada Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Hj Ahmad Badawi, oleh Uskup Agung Gereja Katolik, Archbishop of Kuala Lumpur, Jalan Bukit Nenas, meminta pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengharamkan buku tersebut. Kerana menurutnya " *Buku ini merupakan tanda yang tidak baik bagi dialog antara agama serta keharmonian yang sering diluhurkan dan komited oleh Gereja Katolik di Malaysia. Tambahan pula, buku ini nampaknya berat sebelah dan menjadikan orang Kristian terbuka kepada pandangan hina dan kejiikan oleh mereka yang bukan seagama dengannya*". (petikan daripada surat

'Maka, kami mendesak supaya buku tersebut diharamkan serta dilarang penjualannya. Suatu kenyataan umum mengenainya perlu dibuat" Tambah surat itu lagi. Ditanda tangani oleh Anthony Fernandez, Uskup Agung Kuala Lumpur,

Surat itu sebenarnya dituju kepada KDN, salinannya kepada penerbit MK- DIK, iaitu Persatuan Ulama Malaysia, yang ketika itu dipimpin oleh Ustaz Haji Ahmad Awang. Saya Cuma menerima salinan yang diberi oleh beliau. Dalam kenyataan Ustaz Ahmad Awang yang disiarkan dalam akhbar *Harakah* (118/6/1999) menyebut; Beliau rela dipenjarakan, demi mempertahankan komik MK-DIK. Saya bersyukur, sekaligus urut dada- lega, pihak KDN tidak mengambil apa-apa tindakan. Terima kasih Pak Lah!

Balik Kampung

Setelah 26 tahun menetap di Kuala Lumpur, memiliki rumah sendiri di Batu Caves. Membesarkan anak-anak seramai tujuh orang di sana. Keinginan untuk balik kampung mula terasa, mula-mula seperti angin sepoi-sepoi bahasa, lama-lama perasaan itu bagaikan angin tsunami menerjah pantai. Tidak upaya ditahan lagi, lalu bungkus tikar bantal dan pulang ke kampung.

Sememangnya, sejak dulu lagi menyimpan cita-cita, bila bersara akan menetap di kampung halaman tempat dilahirkan dan hasrat itu akhirnya dimakbulkan Allah SWT, walaupun terpaksa berdepan dengan karenah anak-anak yang tidak membenarkan saya balik. Saya sedar, kenapa anak-anak saya terutama yang bongsu dan abangnya tidak mahu pulang ke kampung; kerana mereka lahir di Kuala Lumpur, justeru, KL itu "kampungnya". Namun selepas puas memujuk, akhirnya yang bongsu ikut pulang dan bersekolah di Kelantan. Itulah satu-satunya anak saya yang tinggal di Kelantan sekarang!

Di Kelantan, menganggur seketika. Pada 2005 diterima bekerja sebagai wartawan di Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan (UPKN), Kota Darulnain, Kota Bharu dan pada Mac, 2007 dilantik sebagai

Penolong Pengarah (Penerbitan) UPKN hingga sekarang. Tugasnya menerbitkan bahan-bahan bercetak seperti Buletin UPKN (dua keluaran sebulan), bulanan Fajar Islam, Serambi (mingguan) dan risalah-risalah isu semasa.

Selama bermastautin di kampung, aktiviti melukis kartun bukan semakin susut tapi semakin melimpah. Kalau dulu memilih-memilih surat khabar, namun sekarang karya-karya kartun saya boleh didapati di akhbar Harakah, Siasah dan Wasilah, selain daripada akhbar Mingguan Malaysia setiap minggu. Kartun saya juga boleh ditemui di media terbitan UPKN.

Selain daripada berkartun, saya juga menulis, kebanyakannya berbau politik, kritik sosial dan agama. Di akhbar Buletin Rakyat (BR), diberi koloum- Bicara kartun. Namun bukan menulis topik kartun tapi seputar politik dan isu-isu semasa tanah air. BR terbit dua kali sebulan dan saya mula menulis sejak 5 tahun lalu (dulu dikenali dengan Buletin Demokrasi). Di akhbar Wasilah juga, saya diberi koloum berjudul *Tak sungguh orang tak kata*. Mengupas isu-isu semasa, merangkumi politik atau sosial. Di akhbar ini saya menggunakan nama sebenar- Rosidi Semail.

Sebuah buku (bukan kartun) diterbitkan pada 2006 dengan judul *Satu*. Mengupas mengenai politik semasa yang berlaku di Kelantan ketika itu. Itulah satu-satunya karya politik diterbitkan, sekali gus bertindak sebagai penerbit.

Di masa hadapan, InsyaAllah buku lain pula akan menyusul, minimum sebuah dalam setahun!

Rujukan

1. Mulyadi Mahamood, Pengantar Seni Lukis Kartun, Kuala Lumpur: Univision Press.
2. Mulyadi Mahamood, Gaya dan Tema Kartun Editorial Melayu: Pemikir, September 2003.

